



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

DASAR KASIH KELUARGA NEGARA

&

Pelan Tindakan Keluarga Negara
2026-2030



Dasar KASIH Keluarga Negara
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) 2025

Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, sama ada secara mekanikal atau elektronik, termasuk penyalinan dan rakaman tanpa kebenaran bertulis daripada KPWKM.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
(KPWKM)
55, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya,
Malaysia
Tel: +603-8000 8000
Email: info@kpwkm.gov.my
Website: www.kpwkm.gov.my

Direka bentuk dan dicetak oleh:
Tukang Buku @ Akademi Jawi Malaysia
8, Jalan Puteri 2a/6, Bandar Puteri Bangi
43000 Kajang, Selangor Malaysia
Tel: +603-8928 9899

Kandungan

Prakata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri	iv
Sekapur Sirih Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	v
Ringkasan Eksekutif	1
Bab 1: Sorotan Dasar Keluarga Negara (DKN) 2010-2020	4
• Latar Belakang	5
• Pencapaian DKN	6
• Cabaran DKN	7
Bab 2: Rasional Dasar KASIH Keluarga Negara	8
• Pendahuluan	9
• Perubahan Sosio-Demografi dan Trend Makro Kepada Masyarakat dan Negara	10
• Cabaran Institusi Keluarga dan Kesan Terhadap Kesejahteraan Sosial	15
• Cabaran Pembentukan Dasar KASIH Keluarga Negara	16
Bab 3: Dasar KASIH Keluarga Negara	18
• Pendahuluan	19
• Pernyataan Dasar	21
• Pernyataan Matlamat	21
• Hala Tuju	21
• Nilai-Nilai Keluarga Malaysia dan Aspirasi Nasional	21
Bab 4: Teras Dasar KASIH Keluarga Negara	24
• Pendahuluan	25
• Teras 1: Memartabatkan Institusi Perkahwinan dan Kekeluargaan	26
• Teras 2: Memperkasakan Keupayaan Perancangan Keluarga	28
• Teras 3: Meningkatkan Kemampuan dan Kualiti Keibubapaan	30
• Teras 4: Menyokong Pemerkasaan Keluarga Secara Inklusif	32
• Teras 5: Menambah Baik Pengurusan Konflik Keluarga	34
• Pemboleh Daya	36
• Penutup	37
Bab 5: Pelan Tindakan Keluarga Negara 2026-2030	38
• Pendahuluan	39
• Teras 1: Memartabatkan Institusi Perkahwinan dan Kekeluargaan	41
• Teras 2: Memperkasakan Keupayaan Perancangan Keluarga	47
• Teras 3: Meningkatkan Kemampuan dan Kualiti Keibubapaan	55
• Teras 4: Menyokong Pemerkasaan Keluarga Secara Inklusif	61
• Teras 5: Menambah Baik Pengurusan Konflik Keluarga	69
• Pemboleh Daya	77
Kesimpulan	80
Akronim	81
Rujukan	83
Rakaman Penghargaan	84

Prakata

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Dasar KASIH Keluarga Negara (DKKN) dan Pelan Tindakan Keluarga Negara (PTKN) 2026-2030 adalah sebuah inisiatif strategik kebangsaan bagi memperkasa peranan institusi keluarga kepada pembangunan masyarakat dan kestabilan sosial negara.

Dalam mendepani perubahan dan cabaran dalam dinamik kehidupan keluarga, DKKN berfungsi sebagai kerangka dasar nasional yang menyeluruh untuk melindungi, memperkasa dan memajukan institusi keluarga di Malaysia. Oleh itu, semakan keberkesanan dan pembaharuan dasar secara berterusan adalah penting bagi memastikan ia terus kekal relevan.

DKKN dan PTKN 2026-2030 yang telah dihasilkan ini melakar hala tuju yang berperanan sebagai rangka kerja untuk menggerakkan serta memberikan panduan kepada agensi kerajaan, badan-badan kebajikan sosial dan komuniti serta pihak berkepentingan dalam menghadapi cabaran isu semasa kekeluargaan secara holistik.

DKKN dan PTKN kini telah diperbaharui seiring dengan hala tuju Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) dan Dasar Sosial Negara 2030. Pembaharuan dasar ini turut lahir daripada usaha kolektif pelbagai pihak dalam sektor kerajaan, swasta dan masyarakat sivil untuk menangani pelbagai isu sosial negara.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat, khususnya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, agensi-agensi di bawah Kementerian, Jabatan, Agensi dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) atas kerjasama, sumbangan idea dan pandangan yang telah menyumbang kepada pembaharuan dasar ini.

Adalah menjadi hasrat Kerajaan agar seluruh rakyat Malaysia dapat menghayati matlamat yang terkandung dalam DKKN dan PTKN 2026-2030 dan berperanan sebagai asas pembinaan nilai, sumber sokongan emosi dan penjamin kesejahteraan hidup rakyat Malaysia selari dengan pembinaan masyarakat MADANI yang bermaruah dan kaya dengan nilai-nilai mulia dan sejajar dengan tema

“Memperkasakan Keluarga Untuk Kestabilan Sosial”.

Sekian, salam hormat.

ANWAR IBRAHIM
Perdana Menteri Malaysia



Sekapur Sirih Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Menelusuri sejarah perjalanan, Dasar KASIH Keluarga Negara (DKKN) 2026-2030 merupakan kesinambungan kepada Dasar Keluarga Negara (DKN) 2010-2020. DKKN telah diperkemas dengan pendekatan baharu yang selaras dengan keperluan keluarga masa kini yang semakin kompleks dan dinamik. Dasar ini dibangunkan melalui lensa kitaran kehidupan keluarga dan meneliti keperluan setiap fasa pembentukan keluarga sejajar dengan peranan keluarga sebagai unit asas pembangunan masyarakat.

Di samping itu, Pelan Tindakan Keluarga Negara (PTKN) 2026-2030 turut dirangka bagi melengkapi DKKN, memperinci tanggungjawab yang perlu dipikul oleh kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, ahli akademik, sektor swasta serta anggota masyarakat secara menyeluruh dalam memastikan dasar ini dilaksanakan dan diterjemah secara komprehensif dan bersepadu.

Sesungguhnya, terhasilnya dasar dan pelan tindakan ini merupakan bukti bahawa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) komited untuk menjadikan institusi keluarga sebagai unit teras yang menyokong pembangunan masyarakat.

KPWKM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha mengemaskini dan memperkukuh dasar ini. Setinggi-tinggi penghargaan turut dirakamkan kepada United Nation Population Fund di Malaysia yang terlibat secara aktif menyokong pembangunan DKKN dan PTKN 2026-2030 ini.

Kerjasama kolektif semua pihak amat penting dalam memastikan DKKN terus relevan dan memberi impak signifikan kepada kesejahteraan keluarga dan masyarakat. Sekalung penghargaan juga disampaikan kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara sebagai agensi peneraju pembangunan semula DKKN dan PTKN 2026-2030.

Saya mengharapkan agar semua pihak bersatu hati dalam menggerakkan pelaksanaan DKKN dan PTKN 2026-2030. Saya yakin bahawa dasar ini dapat menjadi rujukan yang jelas serta panduan jangka panjang, khususnya dalam menghadapi cabaran yang dihadapi institusi keluarga pada masa kini. Dengan pelaksanaan dasar ini, ia akan terus menjadi landasan kukuh bagi mencapai kestabilan sosial, ketahanan nasional, serta kesejahteraan hidup masyarakat Malaysia yang sejahtera, progresif dan berdaya tahan.

"Memperkasakan Keluarga Untuk Kestabilan Sosial"

Sekian, terima kasih.

NANCY SHUKRI
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat





**MEMPERKASAKAN KELUARGA
UNTUK
KESTABILAN SOSIAL**



Ringkasan Eksekutif

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) merupakan agensi yang diberi mandat untuk menerajui agenda sosial negara, terutamanya dalam membangun dan memperkukuh institusi kekeluargaan. Di bawah kerangka Dasar Sosial Negara 2030 (DSN 2030), KPWKM memainkan peranan strategik dalam merangka dasar, menyelaras pelaksanaan dan memastikan kesepaduan antara inisiatif-inisiatif sosial yang melibatkan keluarga sebagai unit asas pembangunan masyarakat.

Dasar Keluarga Negara 2010 - 2020 (DKN) merupakan dasar nasional pertama yang digubal bagi memperkukuh institusi keluarga melalui pendekatan yang menyeluruh dan inklusif. DKN bermatlamat mengarusperdanakan isu kekeluargaan dalam pelbagai bidang pembangunan negara. Ia berasaskan tiga teras utama iaitu meningkatkan komitmen pelbagai pihak terhadap perspektif kekeluargaan, mewujudkan dan memperkukuhkan pelaksanaan dasar dan undang-undang yang mesra keluarga serta memperluas akses kepada perkhidmatan dan kemudahan yang menyokong kesejahteraan keluarga.


Menyedari hakikat bahawa institusi keluarga perlu terus diperkasa untuk berhadapan dengan cabaran yang semakin kompleks masa

kini, kerajaan memperkenalkan Dasar KASIH Keluarga Negara (DKKN) sebagai satu dasar sosial yang menyokong agenda DSN 2030 untuk menangani cabaran kekeluargaan secara bersepadu. DKKN dibangunkan melalui lensa kitaran kehidupan keluarga dengan mengambil kira keperluan keluarga dari saat sebelum pembentukan keluarga sehinggalah ke fasa warga emas. Pembangunan DKKN dan Pelan Tindakan Keluarga Negara (PTKN) 2026-2030 telah melibatkan sesi konsultasi dan libat urus menyeluruh bersama pelbagai agensi kerajaan, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan ahli akademik.

KASIH merupakan prinsip nilai keluarga yang menjadi teras kepada Dasar KASIH Keluarga Negara. Ia digarap sebagai nilai bersama berasaskan penemuan daripada Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia (KPKM), Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) dan tinjauan pendapat masyarakat. Ia sekali gus mencerminkan aspirasi dan keutamaan rakyat dalam memperkukuh institusi keluarga di Malaysia. KASIH merupakan akronim kepada K (Kasih Sayang), A (Akhlaq), S (Sihat dan Selamat), I (Ilmu) dan H (Harmoni).


DKKN dan PTKN dipandu oleh empat hala tuju DKKN:

Empat Hala Tuju DKKN



Bagi memastikan hala tuju ini diterjemahkan secara berkesan, **lima teras dan tiga pemboleh daya** telah ditetapkan sebagai kerangka pelaksanaan DKKN.

Lima Teras DKKN



Tiga Pemboleh Daya DKKN:

1. Menambah baik portal Keluarga Bahagia sebagai *one stop centre* maklumat, khidmat sokongan dan insentif kekeluargaan di peringkat persekutuan dan negeri.
2. Mengintegrasikan *Family Impact Assessment* dalam pembentukan dasar dan program.
3. Melaksanakan kajian pembangunan mekanisme dan insentif perkahwinan dan kekeluargaan yang mampan.

Sebagai sebahagian daripada komitmen di bawah Dasar Sosial Negara 2030, Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) mendukung pelaksanaan DKKN dan PTKN dengan memberi penekanan khusus kepada pengukuhan institusi kekeluargaan. Melalui RMK13, fokus diberikan kepada pemerkasaan keluarga melalui peningkatan kemahiran dan sokongan sosial, dengan keberhasilannya akan diukur melalui sasaran peningkatan Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) yang disasarkan mencapai skor 8 menjelang 2030 sebagai bukti institusi keluarga yang lebih kukuh dan berdaya tahan.

Justeru, DKKN dan PTKN merupakan manifestasi komitmen nasional dalam memperkukuh institusi kekeluargaan mendepani cabaran yang semakin kompleks. Untuk memastikan kejayaannya, kerjasama strategik dan kolektif daripada semua pihak berkepentingan adalah ramuan utama dalam memastikan keluarga kekal berfungsi, mampan dan resilien. Meskipun pelaksanaan PTKN ditetapkan dalam jangka masa lima tahun, DKKN akan terus kekal relevan sebagai panduan jangka panjang dalam memastikan kelestarian institusi keluarga dalam pembangunan negara.



Bab 1

Sorotan Dasar Keluarga Negara (DKN) 2010-2020



Latar Belakang

Dasar Keluarga Negara (DKN) telah diperkenalkan pada tahun 2010 sebagai satu dasar nasional untuk memperkukuh institusi keluarga sebagai teras utama dalam pembangunan sosial negara. Dasar ini berlandaskan kepercayaan bahawa keluarga merupakan unit asas masyarakat yang memainkan peranan penting dalam melahirkan individu yang seimbang, menyumbang kepada komuniti dan seterusnya membina negara yang harmoni.

Matlamat DKN adalah untuk membangunkan keluarga yang sejahtera, sihat dan resilien demi memastikan kestabilan sosial. Prinsip dasar ini menekankan kepada pembentukan masyarakat penyayang yang bermula dengan kekuatan dan kesejahteraan keluarga, selaras dengan nilai dan budaya masyarakat Malaysia.

Teras Strategik DKN

DKN merangkumi tiga komponen utama:

1. Meningkatkan komitmen dan penglibatan pelbagai pihak untuk mengutamakan perspektif keluarga dalam pembangunan sosio-ekonomi.
2. Memastikan undang-undang, dasar, prosedur serta penguatkuasaan mengutamakan perspektif keluarga.
3. Menyediakan dan memastikan program, perkhidmatan dan kemudahan mesra keluarga mudah dicapai.

Pencapaian DKN

Sepanjang tempoh pelaksanaan dari tahun 2010 hingga 2020, DKN telah mencatat pelbagai pencapaian penting yang membuktikan komitmen kerajaan dalam memartabatkan agenda kekeluargaan. Daripada 30 pelan tindakan yang dirangka, sebanyak 26 tindakan telah berjaya dilaksanakan sama ada secara langsung oleh KPWK, agensi pelaksana lain atau menerusi kerjasama rentas sektor.

PENCAPAIAN DASAR KELUARGA NEGARA 2010-2020

TERAS 1

Sambutan November
Bulan Keluarga
Kebangsaan



Indeks Kesejahteraan
Keluarga (IKK)



KAJIAN PENDUDUK DAN
KELUARGA MALAYSIA
KEENAM (KPKM-6) 2024
SUARA KELUARGA, MASA DEPAN NEGARA



Kod Nilai Keluarga KASIH



Sambutan Hari Ibu
dan Hari Bapa
Peringkat Kebangsaan



Persidangan
Kependudukan Kebangsaan

Geran Penyelidikan
LPPKN



TERAS 2

Penilaian Impak
Keluarga (FIA)



Program Pemerkaan
Keluarga dan Komuniti
(FACE)



Inisiatif Flexible Work
Arrangement (FWA)



Dasar dan Pelan
Tindakan PERKERTI

Program Rintis
Bantuan Rawatan
Subfertiiliti
LPPKN (i-KASIH)



Pengecualian Cukai
berkaitan Keluarga

TERAS 3




Pusat Keluarga



Pusat Remaja
KafeTEEN



MALAYSIA POPULATION RESEARCH HUB



Perluasan
Perkhidmatan
Kaunseling
Perkahwinan
dan Kekeluargaan

Cabaran DKN

Walaupun pelaksanaan Dasar Keluarga Negara (DKN) sebelum ini menunjukkan pencapaian yang signifikan, penilaian semula mendapati bahawa landskap keluarga masa kini semakin kompleks akibat pengaruh *megatrends* yang pesat, khususnya urbanisasi, kemajuan teknologi, dan perubahan demografi seperti penuaan penduduk dan penurunan kadar kesuburan yang pantas. Perkembangan ini menuntut sistem sokongan keluarga yang lebih adaptif serta pendekatan dasar yang lebih responsif dan berasaskan kajian dan data.

Kemajuan pesat teknologi merupakan ancaman paling utama yang dihadapi oleh institusi keluarga moden. Impak langsung ancaman ini dapat dilihat melalui peningkatan risiko keselamatan siber dan kemerosotan kesejahteraan mental akibat pendedahan digital yang tidak terkawal. Pada masa yang sama, perubahan struktur keluarga dan keperluan penjagaan menuntut sokongan jangka panjang yang lebih sistematik.

Jika cabaran ini tidak ditangani secara holistik, ia berisiko melebarkan ketidaksamaan sosial, menjejaskan sistem sokongan domestik, dan mempengaruhi keseimbangan masyarakat. Kesemua cabaran yang dikenal pasti telah memperlihatkan keperluan untuk merangka semula Dasar Keluarga Negara (DKN) dengan dasar yang lebih responsif dan berasaskan kajian serta data. Maka, pembangunan semula DKN dilaksanakan dengan penambahbaikan yang lebih menyeluruh dalam usaha membina keluarga yang lebih berdaya tahan dan sejahtera untuk jangka masa panjang.

Kesemua cabaran yang dikenal pasti telah memperlihatkan keperluan untuk merangka semula DKN kepada satu dasar baharu yang dinamakan Dasar KASIH Keluarga Negara (DKKN) dengan pendekatan yang lebih responsif, inklusif serta berasaskan data dan bukti untuk menangani perubahan sosio-demografi dan dinamik keluarga yang berlaku pada masa kini dan cabaran yang mendatang.



Bab 2

Rasional Dasar KASIH Keluarga Negara



Pendahuluan

Keluarga adalah sekumpulan orang yang mempunyai hubungan darah atau perkahwinan atau pengangkatan dan melaksanakan fungsi kelangsungan hidup yang melibatkan tanggungjawab, hubungan, kestabilan, budaya dan identiti serta penglibatan dalam konteks yang lebih luas. Institusi keluarga ialah asas paling penting kepada kestabilan sosial dan kekuatan negara. Keluarga menyediakan ruang bagi pembentukan nilai dan sahsiah diri serta menawarkan sokongan emosi dan sosial bagi pembangunan modal insan yang seimbang.

Namun, dapatan daripada penilaian semula pelaksanaan DKN turut mendedahkan pelbagai cabaran baharu serta kemunculan trend makro dalam masyarakat, sekali gus memperlihatkan keperluan penambahbaikan dasar secara menyeluruh yang akhirnya membawa kepada pembangunan DKKN.

Lanskap sosio-demografi negara sedang berubah dengan pantas dan kompleks. Pada masa yang sama, institusi keluarga turut terkesan dengan trend makro seperti tekanan kos sara hidup, ketidakseimbangan antara kehidupan dan kerjaya, pertumbuhan penduduk yang semakin perlahan dan perubahan nilai sosial yang didorong oleh perkembangan pesat digitalisasi dan gaya hidup moden. Kesemua tekanan ini tidak hanya terhad kepada golongan rentan, malah memberi kesan menyeluruh kepada semua peringkat umur, latar belakang sosioekonomi dan demografi.

Justeru itu, adalah penting untuk memahami apakah jenis-jenis perubahan sosio-demografi dan trend makro yang sedang dan akan dihadapi oleh institusi keluarga secara terperinci.

Perubahan Sosio-Demografi dan Trend Makro Kepada Masyarakat dan Negara

Malaysia kini sedang mengalami gelombang perubahan sosio-demografi yang memberi kesan langsung terhadap daya tahan institusi keluarga. Daripada struktur keluarga tradisional yang besar dan saling menyokong, kini semakin ramai individu menghadapi cabaran kekeluargaan secara bersendirian sama ada sebagai ibu/bapa tunggal, individu tidak berkahwin, atau warga emas yang tinggal bersendirian. Ketiadaan dasar sokongan yang holistik boleh menjejaskan kestabilan keluarga secara keseluruhan. Antara perubahan sosio-demografi serta trend makro yang memberi kesan kepada masyarakat dan negara termasuklah:



Penurunan Kadar Kesuburan


Sejak enam dekad yang lalu, Kadar Kesuburan Jumlah atau *Total Fertility Rate* (TFR) di Malaysia telah menurun dengan ketara sebanyak 75 peratus bagi tempoh 1957 hingga 2021. Penurunan ini berlaku daripada 6.8 orang anak bagi seorang wanita pada tahun 1957 yang merupakan kadar tertinggi pernah dicatatkan, menurun kepada 4.9 orang anak pada tahun 1970, 3.0 orang anak pada tahun 2000 dan turun kepada 2.1 orang anak pada tahun 2010. TFR terus menurun ke paras terendah pada tahun 2024 iaitu 1.6 orang anak. Penurunan TFR merupakan satu perubahan demografi yang signifikan dan memberi implikasi besar terhadap struktur kependudukan negara.

Antara faktor utama yang menyumbang kepada penurunan kadar kesuburan adalah trend perkahwinan lewat dalam kalangan generasi muda yang berpotensi memendekkan tempoh masa subur untuk membina keluarga. Dalam masa yang sama, ketidakseimbangan antara kerja dan kehidupan keluarga menyebabkan

semakin ramai pasangan menghadapi kesukaran untuk meluangkan masa berkualiti bersama, terutamanya dalam fasa awal keibubapaan. Kos membesarkan anak yang semakin tinggi, termasuk kos pendidikan, penjagaan anak dan penyediaan kediaman, turut menyumbang kepada keputusan pasangan untuk menangguhkan atau mengehadkan bilangan anak.

Sekiranya trend ini berterusan, perubahan struktur kependudukan negara akan menjejaskan sumber tenaga kerja masa hadapan, sokongan antara generasi serta daya tahan sistem sosial dan ekonomi negara dalam jangka panjang.

Penurunan Kadar Kesuburan di Malaysia



Sumber: Perangkaan Penting, Jabatan Perangkaan Malaysia

Penuaan Penduduk dan Perubahan Struktur Umur


Di Malaysia, warga emas ditakrifkan sebagai individu berumur 60 tahun dan ke atas. Walaupun struktur penduduk negara masih relatif muda berbanding negara maju, perubahan demografi yang berpunca daripada penurunan kadar kesuburan dan peningkatan jangka hayat telah mempercepatkan proses penuaan penduduk. Walaupun peningkatan ini mencerminkan pencapaian positif dalam aspek kesihatan awam, ia juga mempercepatkan proses penuaan negara.

Merujuk kepada dokumen Dasar Warga Emas Negara, PBB (2009) mengunjurkan Malaysia akan mencapai status negara tua pada tahun 2030 apabila penduduk berumur 60 tahun ke atas mencapai 15% daripada jumlah penduduk.


Sebaliknya, Bank Dunia mengunjurkan negara akan mencapai status negara tua pada tahun 2044 apabila penduduk berumur 65 tahun ke atas berjumlah lebih 14% daripada keseluruhan penduduk.

Fenomena ini bukan sahaja menandakan kejayaan pembangunan sosial dan kesihatan negara, tetapi juga membawa cabaran besar kepada dasar ekonomi, tenaga kerja, sistem penjagaan kesihatan dan kesejahteraan keluarga.

Perubahan demografi ini mewujudkan tekanan berganda kepada generasi muda, yang kini perlu menyara anak-anak dan pada masa sama menjaga ibu bapa yang semakin berusia. Fenomena tersebut, digelar '*sandwich generation*', menggambarkan golongan yang terhimpit antara dua peranan penjagaan serentak. Dalam keadaan ini, pengukuhan institusi keluarga adalah kritikal bagi menyediakan jaringan sokongan yang stabil dan memastikan kesinambungan kesejahteraan merentas generasi.



Piramid Penduduk Malaysia 1970-2024



Sumber: Banci Penduduk dan Perumahan 1970-2020, Anggaran Penduduk Semasa 2004 - 2025 dan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia.


Peningkatan Kadar Perceraian

Selain daripada penuaan penduduk yang kian meningkat, Malaysia juga sedang mengalami fenomena peningkatan kadar perceraian yang mana menjadi satu lagi petunjuk rapuhnya institusi kekeluargaan masa kini. Ketika semakin ramai memilih untuk tidak berkahwin, mereka yang berkahwin pula semakin ramai yang gagal mengekalkan hubungan perkahwinan jangka panjang, sekali gus menambah tekanan kepada struktur sosial keluarga di Malaysia.

Pada awalnya, statistik keseluruhan perceraian di Malaysia menurun sebanyak 7.1%, apabila 47,272 kes yang dicatatkan pada 2020 turun kepada 43,936 kes pada 2021. Namun, angka ini meningkat mendadak 43.1% kepada 62,890 kes pada tahun 2022. Kenaikan ini dikaitkan dengan tekanan ekonomi, konflik domestik serta perubahan gaya hidup semasa tempoh pandemik. Pada tahun 2023, jumlah ini menurun semula sebanyak 8.7% kepada 57,835 kes, menandakan trend pemulihan pasca-pandemik.

Walaupun berlaku penurunan, tren ini menunjukkan perkembangan semasa yang membimbangkan.

Jumlah Perceraian di Malaysia antara 2016-2022



Sumber: Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian, Malaysia 2023, DOSM

Cabaran Perkembangan Pesat Teknologi

Perubahan teknologi digital yang pesat memberi kesan mendalam terhadap kehidupan keluarga. Dengan peningkatan akses internet daripada 88.7% pada 2020 kepada 96.4% pada 2023, anak-anak kini lebih mudah terdedah kepada risiko keselamatan dalam talian berbanding masa lalu. Pada masa yang sama, kesedaran ibu bapa mengenai pengawalan digital menurun daripada 62.4% pada 2018 kepada 34.4% pada 2020. Kajian Tanda Aras Kesedaran Keselamatan Siber dalam Kalangan Murid Sekolah dan Ibu Bapa 2021-2022 oleh CyberSecurity Malaysia mendapati ketagihan internet, kurang kesedaran kewarganegaraan digital serta kawalan ibu bapa yang kurang efektif telah menyebabkan peningkatan risiko keselamatan siber terhadap generasi muda.

Keadaan ini meningkatkan risiko pendedahan kepada nilai asing, maklumat palsu dan ancaman siber, seterusnya mencabar kefungsi keluarga dalam membentuk nilai dan identiti insan yang berkualiti.



Bahaya Dalam Talian Kepada Kanak-kanak

100,000

Kanak-kanak berisiko dengan gangguan seksual



Ucapan Penghinaan

1454

Jumlah ucapan penghinaan di media sosial daripada tahun Januari 2024 hingga Mac 2024

8339

Kes buli siber dilaporkan ke MCMC daripada tahun Januari 2024 hingga Mac 2024

Sumber: Disrupting Harm in Malaysia: Evidence on Online Child Sexual Exploitation and Abuse Report by ECPAT, INTERPOL and UNICEF (2022) dan Bernama (2024)

Kajian mendapati penggunaan berlebihan peranti dan buli siber telah memberi kesan negatif kepada perasaan, jiwa dan perangai pelajar



62.9%

Remaja bersetuju mereka kurang tidur kerana menggunakan peranti elektronik



27.7%

Remaja menghadapi situasi menerima komen penghinaan




36.1%

Remaja tidak bersetuju penggunaan peranti memberi pengaruh hubungan dengan ibu bapa mereka



15%-17%

Remaja mengalami buli siber seperti kecurian identiti dan perkongsian gambar dan video tanpa keizinan



Ketagihan digital ini amat berkaitan dengan kemurungan dan kekhuatiran

Sumber: LPPKN

Cabaran Institusi Keluarga dan Kesan Terhadap Kesejahteraan Sosial

Bagi menghadapi pelbagai cabaran trend makro dalam masyarakat, institusi keluarga yang kukuh merupakan penyelesaian utama. Sebuah keluarga yang mampan berupaya menjadi benteng perlindungan dan sokongan dalam mengharungi tekanan sosial, ekonomi dan demografi keluarga yang semakin mencabar.

Pelbagai kajian membuktikan bahawa keluarga adalah asas kepada pembangunan individu dan masyarakat, serta penyumbang utama kepada kestabilan dan kejayaan negara. Bagaimanapun, keluarga kini menghadapi pelbagai cabaran yang menuntut tindakan strategik.

Kepelbagaian generasi dalam keluarga moden membawa bersama norma, nilai dan keutamaan yang berbeza, menimbulkan cabaran dalam komunikasi, pengurusan konflik dan penyusunan strategi keluarga. Adaptasi terhadap perbezaan ini amat penting bagi mengekalkan keharmonian keluarga.

Selain itu, kesihatan mental menambah tekanan kepada institusi keluarga. Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2019 (NHMS 2019) mencatatkan kadar kemurungan tinggi dalam golongan B40 dan M40 serta 7.9% kanak-kanak seawal usia 5–15 tahun telah menghadapi masalah kesihatan mental. Kekurangan sokongan profesional menimbulkan risiko jangka panjang terhadap pembangunan modal insan dan kesejahteraan sosial.

Faktor seperti tekanan kewangan, konflik rumah tangga dan kurangnya sokongan emosi menjadi punca utama isu ini. Masalah kesihatan mental dalam keluarga akan menjejaskan produktiviti tenaga kerja, meningkatkan beban kos kepada sistem kesihatan negara dan berpotensi menjejaskan pembangunan modal insan sekali gus mengundang cabaran sosial dan ekonomi jangka panjang.

Bagi menangani cabaran yang dihadapi institusi keluarga, pembangunan dan pemerkasaan keluarga perlu dijadikan teras utama dalam Dasar KASIH Keluarga Negara. Oleh itu, DKKN memberi tumpuan kepada pendekatan berasaskan kitaran kehidupan keluarga, bermula dari persediaan perkahwinan sehingga penjagaan warga emas, bagi memastikan setiap fasa kehidupan diperkasa secara menyeluruh, relevan dan responsif terhadap perubahan zaman.



2.3%

Golongan dewasa mengalami kemurungan



7.9%

Golongan kanak-kanak antara usia 5 hingga 15 tahun mengalami masalah kesihatan mental

Sumber:
Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2019

Cabaran Pembentukan Dasar KASIH Keluarga Negara

Dalam misi utama untuk memperkasa institusi keluarga, pelbagai cabaran yang kompleks dihadapi dalam pembentukan Dasar KASIH Keluarga Negara. Antara cabaran-cabaran khusus dalam pembentukan dasar ini adalah:

Skop Liputan dan Isu Keluarga yang Luas

Konsep keluarga merangkumi pelbagai bentuk serta melibatkan kumpulan sasar yang merentasi pelbagai peringkat umur dan jantina. Selain itu, isu-isu yang dihadapi institusi keluarga merentasi pelbagai sektor adalah kompleks dari segi kebajikan, pendidikan, kesihatan, ekonomi dan lain-lain. Ini menuntut penyelarasan dasar antara pelbagai pihak agar intervensi lebih berkesan.

Kepelbagaian Nilai dan Konteks Unit Keluarga

Kitaran kehidupan keluarga merujuk kepada perubahan struktur dan peranan dalam sesebuah keluarga mengikut fasa perkembangan usia ahli keluarga, khususnya anak-anak. Bermula daripada pasangan yang baru berkahwin, kitaran ini berkembang kepada fasa membesarkan anak kecil, mendidik anak yang bersekolah, dan seterusnya mengharungi fasa anak dewasa serta memasuki usia tua.

Setiap fasa ini membawa keperluan, cabaran dan keutamaan dasar yang berbeza. Oleh itu, dasar kekeluargaan yang berkesan perlu mengambil kira kitaran ini agar intervensi yang dirancang dapat disesuaikan dengan realiti dan konteks hidup keluarga yang dinamik, termasuk keperluan penjagaan, sokongan ekonomi dan kesejahteraan emosi pada setiap peringkat.

Perkara ini menjadi lebih kompleks apabila mengambil kira bahawa setiap keluarga memiliki nilai dan konteks yang berbeza bergantung kepada budaya, lokasi dan fasa kehidupan. Perbezaan ini membentuk keperluan serta keutamaan yang berbeza dalam pembangunan dasar kekeluargaan.





Bab 3

Dasar KASIH

Keluarga

Negara



Pendahuluan

Dasar KASIH Keluarga Negara (DKKN) dibangunkan sebagai kesinambungan dan penambahbaikan kepada DKN dengan visi yang lebih menyeluruh dan inklusif. Ia dirangka berasaskan prinsip bahawa keluarga ialah unit asas pembangunan sosial dan negara dan hanya melalui keluarga yang sejahtera dan berdaya

tahan, kesejahteraan masyarakat serta kemajuan negara dapat dicapai secara mampan. Dalam persekitaran dunia yang semakin kompleks dan dinamik, DKKN tampil sebagai kerangka dasar nasional yang menyeluruh untuk melindungi, memperkasa dan memajukan institusi keluarga di Malaysia.

Dasar KASIH Keluarga Negara

Matlamat	Memperkasa keluarga untuk kestabilan sosial				
Punca Kuasa	Dasar Sosial Negara (DSN)		Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13)		
Nilai KASIH	Kasih Sayang	Akhlak	Sihat & Selamat	Ilmu	Harmoni
Hala Tuju	• Mengukuhkan nilai positif dan hubungan kekeluargaan • Meningkatkan kesaksamaan hak dan tanggungjawab bersama dalam keluarga • Memastikan kemampunan dan kualiti hidup keluarga • Memastikan kelangsungan dan kelestarian generasi masa hadapan				
Teras	 Memartabatkan institusi perkahwinan dan kekeluargaan	 Memperkasakan keupayaan perancangan keluarga	 Meningkatkan kemampuan dan kualiti keibubapaan	 Menyokong pemerkasaan keluarga secara inklusif	 Menambah baik pengurusan konflik keluarga
Strategi & Tindakan	S1: Menggalakkan Perkahwinan	S1: Memperkukuhkan Pendidikan dan Kesedaran Kesihatan Reproktif dan Seksual di tempat kerja	S1: Memperkasakan Kesedaran Peranan Ibu Bapa dalam Keluarga	S1: Mewujudkan Persekitaran Kerja yang Mesra Keluarga	S1: Memperkukuhkan Sokongan Keluarga dalam Proses perceraian
	1 Tindakan	2 Tindakan	3 Tindakan	4 Tindakan	3 Tindakan
	S2: Memperkukuhkan Asas Perkahwinan	S2: Memperkukuhkan Peranan Ibu Bapa & Remaja	S2: Memperkukuhkan Pendidikan Keibubapaan	S2: Menyediakan Sokongan Holistik untuk Keluarga	S2: Mengintegrasikan Kaunseling dalam Proses Penceraian
	2 Tindakan	5 Tindakan	2 Tindakan	5 Tindakan	2 Tindakan
	S3: Meningkatkan Kesejahteraan Kehidupan Berpasangan dan Berkeluarga	S3: Meningkatkan Akses kepada Perkhidmatan Fertiliti	S3: Meningkatkan Kesedaran dan Kebolehan Menangani Dunia Digital	S3: Memperkukuhkan Persediaan dan Keselamatan Sosial Keluarga	S3: Memperkasakan Penyelesaian Konflik dan Komunikasi Terbuka Keluarga
	2 Tindakan	2 Tindakan	2 Tindakan	3 Tindakan	2 Tindakan
					S4: Meningkatkan Kesedaran dan Memudahkan Pengurusan Harta Pusaka
					3 Tindakan
Pemboleh Daya	3 Pemboleh Daya				

Paparan 1: Kerangka Dasar KASIH Keluarga Negara

Pernyataan Dasar


Satu dasar untuk memperkasakan institusi keluarga merangkumi kitaran kehidupan keluarga dari perkahwinan, perancangan keluarga, keibubapaan, sokongan keluarga hingga penyelesaian konflik secara harmoni bagi membentuk keluarga yang sejahtera, inklusif dan berdaya tahan.

Pernyataan Matlamat

Dasar ini bermatlamat untuk memperkasa peranan semua ahli keluarga sebagai tunjang keseimbangan institusi kekeluargaan bagi memastikan kestabilan sosial.

Hala Tuju

DKKN dipandu oleh empat hala tuju utama yang menjadi landasan kepada usaha memperkukuh institusi keluarga sebagai teras pembangunan sosial negara:



Mengukuhkan nilai positif dan hubungan kekeluargaan



Meningkatkan kesaksamaan hak dan tanggungjawab bersama dalam keluarga



Memastikan kemampanan dan kualiti hidup keluarga



Memastikan kelangsungan dan kelestarian generasi masa hadapan


Nilai-Nilai Keluarga Malaysia dan Aspirasi Nasional

KASIH merupakan prinsip nilai keluarga yang menjadi teras kepada pembangunan DKKN. Ia digarap sebagai nilai bersama (*common values*) dan mencerminkan aspirasi keluarga di Malaysia terhadap keluarga yang kukuh, berdaya tahan dan sejahtera.

Nilai-nilai kekeluargaan yang diterapkan dalam DKKN bukan sekadar idealisme, tetapi merupakan ciri-ciri utama yang diharapkan wujud dalam setiap institusi keluarga Malaysia. Nilai-nilai ini juga mencerminkan aspirasi nasional ke arah pembentukan masyarakat Malaysia yang bersatu, inklusif dan berdaya saing.

Selaras dengan aspirasi tersebut, nilai-nilai kekeluargaan ini akan turut diperluaskan secara sistematik melalui Agenda Nasional KASIH Keluarga Negara yang diterajui oleh LPPKN di bawah RMK13. Usaha ini akan dijadikan sebagai landasan untuk memperkukuh budaya kasih sayang, tanggungjawab bersama dan keterangkuman dalam kalangan keluarga di seluruh negara.



Akronim	Penerangan	Kepentingan Nilai
 KASIH SAYANG	Perkahwinan dan ikatan yang kukuh hasil ikatan suami dan isteri yang intim menjadi tunjang potensi dan aspirasi keluarga.	Membantu membentuk keluarga yang harmoni, mewujudkan sokongan emosi yang stabil dalam keluarga serta memastikan keluarga kekal utuh dan <i>future-proofed</i> untuk generasi akan datang.
 AKHLAK	Sahsiah keluarga berpanduan kepada nilai agama, integriti dan disiplin keluarga.	Menerapkan <i>filial piety</i> dalam kalangan generasi muda, memperkukuh nilai hormat-menghormati, dan membentuk masyarakat yang berakhlak serta bertanggungjawab.
 SIHAT DAN SELAMAT	Mengamalkan gaya hidup sihat serta peka kepada keselamatan keluarga dan persekitarannya.	Menggalakkan kesejahteraan fizikal dan mental dalam keluarga, memastikan kemampanan ekonomi melalui kesihatan yang baik serta mengelakkan beban kewangan akibat masalah kesihatan.
 ILMU	Menerapkan budaya ilmu dan sentiasa meningkatkan kemahiran keibubapaan dan ilmu kesejahteraan hidup.	Membentuk keluarga yang berwawasan dan mengamalkan perancangan jangka masa panjang, memastikan ibu bapa mempunyai pengetahuan dalam mendidik anak-anak serta memperkukuh daya saing generasi masa depan.
 HARMONI	Perhubungan sesama ahli keluarga dan sanak saudara dengan interaksi yang sihat antara generasi dan komuniti masyarakat.	Menguatkan ikatan persaudaraan dan kesedaran komuniti, menggalakkan konsep <i>shared and collective responsibility</i> serta memupuk komunikasi terbuka dan penerimaan pelbagai pendapat dalam keluarga dan masyarakat.



Bab 4

Teras Dasar KASIH Keluarga Negara



Pendahuluan

DKKN menggariskan lima teras dan tiga pemboleh daya yang saling melengkapi dalam memperkukuh institusi keluarga di Malaysia. Teras-teras ini dirangka berdasarkan cabaran semasa dan hasil penilaian DKN dengan fokus kepada struktur, fungsi, nilai dan keupayaan keluarga dalam menghadapi perubahan zaman secara menyeluruh.

Skop setiap teras berpaksikan prinsip inklusif, responsif dan pendekatan berasaskan kitaran kehidupan keluarga. Teras DKKN bermula dari perkahwinan, perancangan keluarga, keibubapaan, sokongan keluarga hingga penyelesaian konflik secara harmoni.



Teras 1: Memartabatkan Institusi Perkahwinan dan Kekeluargaan

Objektif

- ▶ Bertujuan untuk meningkatkan peratusan perkahwinan dan mengurangkan peratusan perceraian dalam tempoh lima tahun pertama perkahwinan di Malaysia

Isu-isu utama yang hendak ditangani

- ▶ Peningkatan jumlah golongan bujang atau tidak berkahwin dalam kalangan rakyat Malaysia
- ▶ Peningkatan trend memilih untuk berkahwin lewat
- ▶ Kestabilan institusi keluarga tergugat
- ▶ Peningkatan tekanan menjejaskan perhubungan keluarga (pasangan)
- ▶ Peningkatan ideologi *Child free / Double Income, No Kids* (DINK)

Skop Lingkupan Teras

- ▶ Pra perkahwinan
- ▶ Semasa perkahwinan

Kepentingan Teras:

Kadar perkahwinan yang menurun serta peningkatan kadar perceraian dalam tempoh lima tahun pertama perkahwinan menunjukkan perlunya penekanan semula terhadap nilai, komitmen dan keupayaan pasangan dalam membina kehidupan berkeluarga yang harmoni. Teras ini memberi fokus kepada penyediaan pendidikan perkahwinan yang berkesan, sokongan kepada pasangan muda, pengukuhan nilai kekeluargaan dan pengurangan beban yang boleh menjejaskan kestabilan institusi perkahwinan. Dengan institusi perkahwinan yang kukuh, masyarakat dapat melahirkan keluarga yang lebih resilien dan berperanan sebagai unit asas pembangunan negara.

Pelaksanaan tiga strategi di bawah Teras 1 dirangka secara menyeluruh bagi menangani cabaran institusi perkahwinan yang semakin kompleks, termasuk isu peningkatan golongan bujang, penangguhan usia berkahwin, serta ideologi hidup tanpa anak atau pasangan. Ketiga-tiga strategi ini saling melengkapi dalam membina landasan yang kukuh bagi memperkasakan institusi kekeluargaan.

Strategi 1: Menggalakkan Perkahwinan

Strategi ini menekankan usaha membina semula naratif positif mengenai institusi perkahwinan sebagai asas penting dalam kehidupan masyarakat. Kempen komunikasi awam yang dirancang akan menyampaikan mesej yang lebih segar, inklusif dan progresif tentang perkahwinan, bukan hanya sebagai hubungan peribadi tetapi juga sebagai asas kepada pembentukan komuniti yang stabil dan produktif.

Strategi 2: Memperkukuh Asas Perkahwinan


Fokus utama strategi ini ialah memperkukuh pengetahuan dan kesiapsiagaan pasangan sebelum melangkah ke alam perkahwinan. Kursus pra perkahwinan akan ditambah baik agar lebih mesra pengguna, merangkumi elemen komunikasi, kesihatan dan pengurusan konflik. Usaha ini bertujuan meningkatkan literasi kekeluargaan dan mencegah isu perkahwinan rapuh, termasuk perceraian awal.

Strategi 3: Meningkatkan Kesejahteraan Kehidupan Berpasangan dan Berkeluarga

Strategi ini memberi perhatian kepada sokongan selepas perkahwinan, khususnya dari aspek hubungan sihat dan keserasian dalam kehidupan berkeluarga. Penekanan diberi kepada langkah pencegahan seperti ujian kesihatan pra perkahwinan dan pelaksanaan cuti keibubapaan yang lebih lestari bagi pasangan muda, bagi mewujudkan persekitaran yang sihat dan seimbang dalam tempoh awal berkeluarga.

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga strategi ini membentuk satu rangka kerja yang saling melengkapi, bermula dari galakan untuk berkahwin, penyediaan asas yang kukuh, hinggalah kepada sokongan berterusan selepas mendirikan rumah tangga. Ini mencerminkan komitmen DKKN dalam memperkasa institusi perkahwinan sebagai tunjang utama kestabilan dan kesejahteraan sosial negara.





Teras 2: Memperkasakan Keupayaan Perancangan Keluarga

Objektif

- ▶ Bertujuan untuk mengurangkan keperluan yang tidak dipenuhi (*unmet need*), meningkatkan *contraceptive prevalence rate* (CPR), memenuhi bilangan anak yang diinginkan oleh pasangan dan meningkatkan akses rawatan subfertiiliti.

Isu-isu utama yang hendak ditangani

- ▶ Keperluan yang tidak dipenuhi (*unmet need*) bagi perancangan keluarga
- ▶ Penurunan kadar kesuburan jumlah atau *total fertility rate* (TFR)
- ▶ Isu aksesibiliti rawatan kesuburan

Skop Lingkupan Teras

- ▶ Perancangan keluarga
- ▶ Kesuburan keluarga
- ▶ Pengangkatan
- ▶ Kesihatan reproduktif dan seksual (SRH)

Kepentingan Teras:

Penurunan kadar kesuburan yang berterusan serta keperluan pasangan dalam merancang keluarga secara bertanggungjawab memerlukan intervensi yang lebih inklusif dan bersepadu. Teras ini memberi tumpuan kepada pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial, peningkatan peranan ibu bapa dan remaja dalam perancangan keluarga, serta penambahbaikan akses kepada perkhidmatan kesuburan. Dengan perancangan keluarga yang lebih berkesan, pasangan dapat merancang saiz keluarga selaras dengan kemampuan ekonomi dan sosial, seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan keluarga serta struktur penduduk negara.

Pelaksanaan strategi di bawah Teras 2 bertujuan untuk mengukuhkan kefahaman, kesedaran, serta akses pasangan dan keluarga terhadap maklumat serta perkhidmatan berkaitan kesihatan reproduktif dan perancangan keluarga. Pendekatan ini melibatkan pembabitan secara menyeluruh meliputi tempat kerja, institusi keluarga, komuniti dan penyedia perkhidmatan kesihatan.

Strategi 1: Memperkukuhkan Pendidikan dan Kesedaran Kesihatan Reproduksi dan Seksual di Tempat Kerja

Strategi ini memanfaatkan tempat kerja sebagai saluran berkesan untuk pendidikan kesihatan reproduktif dan seksual, terutamanya bagi golongan dewasa yang sedang merancang keluarga. Inisiatif ini melibatkan pelaksanaan program secara langsung dan promosi pembelajaran dengan bantuan majikan sebagai usaha memperluas kesedaran secara berterusan dalam kalangan pekerja.

Strategi 2: Memperkukuh Peranan Ibu Bapa dan Remaja

Strategi ini memberi tumpuan kepada pendidikan SRH yang mudah diakses oleh ibu bapa dan remaja, khususnya yang berisiko tinggi. Pendekatan ini menggabungkan kempen kesedaran, program komuniti dan sekolah, serta penambahbaikan proses pengangkatan anak, di samping memperkukuh peranan ibu bapa sebagai pendidik utama dalam hal-hal berkaitan kesihatan reproduktif yang sesuai dengan usia.

Strategi 3: Meningkatkan Akses kepada Perkhidmatan Fertiliti

Strategi ini menyasarkan penubuhan pusat rujukan nasional dan perluasan rawatan subfertiliti di fasiliti kesihatan. Langkah ini bertujuan merapatkan jurang akses terutama bagi pasangan muda dan mereka yang tinggal di luar bandar yang berhadapan dengan cabaran kesuburan.

Gabungan ketiga-tiga strategi ini membentuk satu ekosistem sokongan yang menyeluruh daripada pendidikan dan kesedaran kepada akses terhadap perkhidmatan bagi membolehkan pasangan merancang keluarga secara bertanggungjawab, bersesuaian dengan tahap fizikal, mental dan sosioekonomi masing-masing. Ini selari dengan aspirasi DKKN untuk memastikan struktur penduduk negara dapat dipelihara secara mampan dan berdaya tahan.





Teras 3: Meningkatkan Kemampuan dan Kualiti Keibubapaan

Objektif

- ▶ Bertujuan untuk menerapkan nilai murni dalam keluarga, menurunkan kadar jenayah dalam kalangan remaja, meningkatkan ilmu pengetahuan keibubapaan demi memperkasakan peranan ibu bapa.

Isu-isu utama yang hendak ditangani

- ▶ Peningkatan cabaran penjagaan anak
- ▶ Nilai dan jati diri kanak-kanak dan remaja semakin terhakis
- ▶ Kesedaran rendah tentang keperluan pengawasan ibu bapa (*parental control*) untuk teknologi digital
- ▶ Isu kehamilan remaja

Skop Lingkupan Teras

- ▶ Penjagaan & pendidikan kanak-kanak dan remaja
- ▶ Pendidikan keibubapaan
- ▶ Penerapan nilai murni, agama dan etika

Kepentingan Teras:

Cabaran mendidik anak-anak semakin kompleks dalam era moden yang dipacu oleh pengaruh digital, gaya hidup urban dan perubahan nilai masyarakat. Teras ini memfokuskan kepada peningkatan kesedaran peranan ibu bapa, pengukuhan pendidikan keibubapaan yang responsif, serta memperkasa ibu bapa dalam menghadapi cabaran dunia digital. Ibu bapa yang berpengetahuan dan berkemahiran dapat membimbing anak-anak dengan lebih berkesan, melahirkan generasi yang seimbang dari segi emosi, intelek dan moral yang mana merupakan aset penting bagi masa depan negara.

Strategi 1: Memperkasakan Kesedaran Peranan Ibu Bapa dalam Keluarga

Strategi ini menekankan pentingnya penglibatan aktif ibu bapa dalam kehidupan anak-anak bagi membentuk jati diri dan kestabilan emosi. Melalui peningkatan kesedaran dan penghasilan kandungan yang mempromosikan nilai kekeluargaan, ibu bapa diperkasa sebagai agen utama pendidikan moral dalam keluarga yang berdepan pelbagai cabaran moden.

Strategi 2: Memperkukuhkan Pendidikan Keibubapaan

Memberi tumpuan kepada latihan dan modul yang membantu ibu bapa menangani situasi keibubapaan yang kompleks, termasuk anak berkeperluan khas dan pasca perceraian. Pendidikan keibubapaan yang inklusif dan responsif memastikan setiap ibu bapa dilengkapi dengan kemahiran serta empati untuk membesarkan anak-anak secara adil dan berkesan.

Strategi 3: Meningkatkan Kesedaran dan Kebolehan Menangani Dunia Digital

Strategi ini mempersiapkan ibu bapa dengan literasi digital yang diperlukan untuk melindungi anak-anak daripada ancaman siber. Melalui semakan kurikulum sekolah dan pelaksanaan latihan, ibu bapa diberi pendedahan kepada prinsip keselamatan digital dan bimbingan nilai yang relevan dalam dunia maya.

Keseluruhan strategi dalam Teras 3 menyokong pembinaan keibubapaan yang progresif dan responsif terhadap cabaran masa kini. Ia menyediakan sokongan dari aspek kesedaran peranan, pendidikan praktikal, hingga penguasaan kemahiran digital yang mana semua ini penting untuk memastikan anak-anak dibesarkan dalam persekitaran yang sihat dan seimbang. Pemerkasaan ibu bapa menjadi tunjang penting dalam menjamin pembangunan modal insan berkualiti dan kesejahteraan masyarakat Malaysia secara holistik.





Teras 4: Menyokong Pemerkasaan Keluarga Secara Inklusif

Objektif

- ▶ Meningkatkan polisi dan inisiatif mesra keluarga di tempat kerja, meluaskan perkhidmatan kaunseling keluarga dan sokongan emosi atau psikososial keluarga serta meningkatkan bantuan kepada keluarga rentan.

Isu-isu utama yang hendak ditangani

- ▶ Peningkatan keluarga rentan (miskin, OKU, keluarga *single parent*, berkekrisis dan sebagainya)
- ▶ Peningkatan tekanan menjejaskan kesihatan mental keluarga
- ▶ Mengurangkan beban *sandwich family*

Skop Lingkupan Teras

- ▶ Imbangan keluarga dan kerjaya
- ▶ Kaunseling & sokongan emosi atau psikososial keluarga
- ▶ Bantuan kepada keluarga rentan

Kepentingan Teras:

Kepelbagaian keluarga di Malaysia dari segi struktur dan latar belakang, termasuk keluarga rentan (miskin, OKU, keluarga tunggal dan keluarga berisiko). Teras ini memberi tumpuan kepada pembangunan persekitaran kerja yang mesra keluarga, penyediaan sokongan holistik untuk keluarga rentan, serta penekanan kepada kesejahteraan mental keluarga. Pembangunan keluarga secara inklusif membolehkan semua lapisan masyarakat mendapat akses kepada sokongan yang diperlukan, sekali gus mengukuhkan jaringan perlindungan sosial negara.

Realiti semasa menunjukkan bahawa institusi keluarga di Malaysia semakin pelbagai dan dinamik, merangkumi kelompok rentan seperti keluarga miskin, keluarga OKU, ibu atau bapa tunggal, serta keluarga yang menghadapi krisis kesihatan atau ekonomi. Cabaran ini memberi tekanan kepada fungsi keluarga sebagai unit sokongan asas masyarakat. Teras ini digarap bagi memastikan semua bentuk keluarga menerima perhatian dan intervensi yang adil dan inklusif, sama ada dari sudut persekitaran kerja, kesejahteraan emosi, mahupun perlindungan sosial jangka panjang.

Strategi 1: Mewujudkan Persekitaran Kerja yang Mesra Keluarga

Strategi ini memberi penekanan kepada pembentukan dasar kerja yang menyokong keseimbangan antara kerjaya dan kehidupan keluarga. Dalam realiti semasa, ramai individu memainkan peranan berganda sebagai pekerja dan penjaga keluarga, dan ini sering menimbulkan tekanan psikososial. Oleh itu, tempat kerja dijadikan medan intervensi melalui dasar fleksibel dan pengiktirafan kepada majikan yang menyokong kebajikan keluarga pekerja, demi memperkukuh kesejahteraan mental dan produktiviti pekerja.

Strategi 2: Menyediakan Sokongan Holistik untuk Keluarga


Strategi ini memfokus kepada pemerksaan keluarga rentan seperti penjaga pesakit kronik, keluarga dengan tekanan emosi tinggi, atau yang kekurangan sokongan pengurusan kehidupan harian. Pendekatan ini meliputi intervensi komuniti, kaunseling keluarga, latihan penjagaan dan inisiatif sokongan psikososial. Sokongan menyeluruh ini bertujuan mengurangkan beban emosi dan mempertingkatkan daya tahan keluarga.

Strategi 3: Memperkukuhkan Persediaan dan Keselamatan Sosial Keluarga

Strategi ketiga membina asas keselamatan sosial yang lebih bersifat jangka panjang melalui penyediaan pelan persaraan, perlindungan kesihatan dan pendekatan berstruktur dalam pengurusan risiko sosioekonomi. Ia menyiapkan keluarga untuk menghadapi ketidakpastian ekonomi, penuaan penduduk dan keperluan penjagaan warga emas, sekaligus mengurangkan kebergantungan terhadap bantuan segera.

Secara keseluruhannya, Teras 4 mencerminkan komitmen dasar terhadap pembangunan keluarga yang inklusif dan responsif kepada kepelbagaian struktur serta keperluan semasa. Dengan mewujudkan ekosistem kerja yang mesra keluarga, sokongan komuniti yang menyeluruh, serta jaringan keselamatan sosial yang kukuh, negara dapat memastikan tiada keluarga yang tercicir daripada menikmati kesejahteraan dalam sistem sokongan nasional. Pendekatan ini memperkukuh ketahanan institusi keluarga sebagai asas kepada kestabilan dan kemajuan sosial negara.





Teras 5: Menambah Baik Pengurusan Konflik Keluarga

Objektif

- ▶ Bertujuan untuk mengurangkan pengabaian warga emas, membantu pengurusan harta pusaka dan menggalakkan perpisahan perkahwinan secara harmoni.

Isu-isu utama yang hendak ditangani

- ▶ Peningkatan kadar perceraian
- ▶ Isu penjagaan warga emas
- ▶ Perebutan harta pusaka
- ▶ Perpecahan hubungan keluarga

Skop Lingkupan Teras

- ▶ Pasca perkahwinan
- ▶ Penjagaan warga emas
- ▶ Pengurusan harta pusaka

Kepentingan Teras:

Peningkatan kadar perceraian, perubahan struktur keluarga, penjagaan warga emas dan pengurusan harta pusaka menuntut pendekatan pengurusan konflik yang lebih berkesan. Teras ini memberi fokus kepada pengukuhan sokongan kewangan dan pengintegrasian kaunseling dalam proses perceraian serta meningkatkan kesedaran tentang perancangan pengurusan harta pusaka. Pengurusan konflik yang harmoni dengan wujudnya komunikasi yang terbuka dalam sesebuah keluarga amat penting bagi mengekalkan hubungan kekeluargaan yang baik, melindungi hak ahli keluarga yang rentan dan memastikan kestabilan sosial.

Teras ini menangani isu-isu kompleks yang semakin meningkat dalam institusi keluarga seperti perceraian, perebutan harta pusaka, penjagaan warga emas dan perpecahan hubungan kekeluargaan. Dalam usaha untuk memastikan kesejahteraan keluarga jangka panjang, pendekatan bersepadu perlu diterapkan yang merangkumi aspek sokongan kewangan, emosi dan perancangan pewarisan. Melalui pelaksanaan strategi yang holistik dan berfokus, Teras 5 bertujuan untuk memperkukuh institusi kekeluargaan dan mengurangkan konflik yang berpanjangan.

Strategi 1: Memperkukuhkan Sokongan Keluarga dalam Proses Perceraian

Strategi ini memberi fokus kepada penyediaan sistem sokongan kewangan yang lebih cekap bagi memastikan kebajikan ahli keluarga terpelihara pasca perceraian. Penekanan diberikan kepada pengukuhan mekanisme nafkah, termasuk untuk keluarga bukan Islam bagi menangani cabaran pembayaran nafkah dan mengurangkan konflik berpanjangan berkaitan tanggungjawab kewangan.

Strategi 2: Mengintegrasikan Kaunseling dalam Proses Perceraian

Menyedari kesan psikologi akibat perceraian, strategi ini mencadangkan agar kaunseling dijadikan komponen wajib dalam proses perceraian. Ia bertujuan membantu ahli keluarga khususnya pasangan dan anak-anak agar dapat mengurus emosi, menyesuaikan diri dengan perubahan dan mengekalkan komunikasi yang sihat pasca perceraian.

Strategi 3: Memperkasakan Penyelesaian Konflik dan Komunikasi Terbuka Keluarga

Strategi ini menekankan keperluan membudayakan komunikasi terbuka antara ahli keluarga, khususnya dalam kalangan ibu bapa dan anak-anak. Peningkatan kefahaman terhadap pengurusan konflik serta pemupukan literasi kewangan menjadi asas kepada keputusan keluarga yang lebih bijak, seterusnya mengukuhkan keharmonian kekeluargaan.

Strategi 4: Meningkatkan Kesedaran dan Memudahkan Pengurusan Harta Pusaka

Pertikaian harta pusaka sering menjadi punca perpecahan keluarga. Strategi ini menumpukan kepada peningkatan kesedaran dan kemudahan dalam proses perwarisan harta termasuk kempen advokasi dan pemudah cara dokumen, bagi memastikan pembahagian pusaka dibuat dengan adil, cepat dan mengikut lunas undang-undang.

Teras 5 memperlihatkan pendekatan menyeluruh dalam menangani cabaran dalaman institusi keluarga dengan menekankan elemen keadilan, kesejahteraan emosi dan komunikasi terbuka. Melalui pelaksanaan strategi-strategi ini, DKKN bukan sahaja menyasarkan penurunan kadar perceraian dan pertikaian keluarga, tetapi turut memperkukuh jaringan sosial negara melalui keluarga yang lebih berdaya tahan, inklusif dan harmoni.





Pemboleh Daya

- Pemboleh daya berikut merupakan tindakan yang merentasi kesemua kitaran hidup keluarga dan boleh diguna pakai untuk membantu pelaksanaan tindakan lain dalam Dasar KASIH Keluarga Negara (DKKN).

Kepentingan:

Keberkesanan DKKN bergantung kepada sokongan pemboleh daya yang mantap. Inisiatif seperti penambahbaikan portal maklumat keluarga, penggunaan *Family Impact Assessment* dalam dasar kerajaan, serta pembangunan insentif perkahwinan dan kekeluargaan yang mampan merupakan elemen penting dalam memastikan pelaksanaan dasar yang lebih responsif dan berimpak tinggi. Pemboleh daya yang kukuh akan mempercepatkan pencapaian sasaran dasar dan membolehkan DKKN benar-benar memberi manfaat kepada keluarga Malaysia. Pemboleh daya merangkumi inisiatif rentas dasar yang menyokong keseluruhan pelaksanaan DKKN. Ia berfungsi sebagai elemen pengukuh bagi memastikan dasar-dasar yang dirangka dapat dilaksanakan secara menyeluruh, inklusif dan berimpak tinggi.



Pemboleh Daya 1

Menekankan kepentingan akses maklumat dan insentif kekeluargaan melalui penambahbaikan portal Keluarga Bahagia. Portal ini berperanan sebagai *one stop centre* yang menyelaras pelbagai bentuk sokongan, insentif dan perkhidmatan berkaitan kekeluargaan merentasi peringkat kerajaan persekutuan dan negeri. Ia bertujuan memastikan setiap keluarga, termasuk yang rentan, dapat mengakses maklumat dan bantuan dengan mudah dan tersusun.

Pemboleh Daya 2

Memperkukuh dimensi dasar dengan mengintegrasikan *Family Impact Assessment* (FIA) dalam proses pembentukan dasar, program dan perkhidmatan kerajaan. Melalui FIA, setiap dasar baharu perlu mengambil kira impaknya terhadap institusi keluarga secara menyeluruh, sekaligus meletakkan kesejahteraan keluarga sebagai paksi dalam proses membuat keputusan dasar.

Pemboleh Daya 3

Memberi fokus kepada mekanisme dan insentif untuk memperkukuh institusi perkahwinan dan kekeluargaan. Kajian terhadap umur optimum untuk berkahwin (antara 25–30 tahun) dan pembangunan insentif yang sesuai adalah penting bagi meningkatkan kadar kesuburan, memastikan kesinambungan generasi, serta mengurangkan beban penjagaan yang sering menjadi penghalang kepada penyertaan wanita dalam tenaga kerja.

Secara keseluruhannya, pemboleh daya bertindak sebagai pemacu utama pelaksanaan dasar kekeluargaan negara. Dengan pelaksanaan pemboleh daya yang kukuh, DKKN dapat berfungsi lebih efektif dalam memperkasa keluarga Malaysia di semua peringkat dan latar belakang.

Penutup

Kelima-lima teras dan pemboleh daya DKKN digubal secara strategik bagi menangani landskap keluarga yang kian kompleks termasuk penurunan kadar perkahwinan dan kesuburan, peningkatan perceraian, tekanan ekonomi, perubahan struktur keluarga, cabaran keibubapaan digital dan peningkatan penuaan penduduk yang ketara.

Dasar ini akan terus kekal relevan melangkaui tempoh pelaksanaan Pelan Tindakan yang digariskan. Meskipun pelaksanaan Pelan Tindakan ditetapkan dalam jangka masa lima tahun (tahun 2026 hingga tahun 2030), hala tuju dan teras utama DKKN kekal signifikan sebagai panduan jangka panjang dalam membentuk institusi keluarga yang mampan. Isu-isu yang dihadapi masyarakat akan dikaji semula setiap lima tahun untuk membentuk pelan tindakan baharu yang sesuai dengan peredaran zaman.

DKKN, pada asasnya, merupakan seruan nasional untuk memperkukuh institusi keluarga sebagai asas kestabilan sosial, dengan fokus kepada sokongan bersepadu sepanjang kitaran kehidupan berkeluarga daripada pra perkahwinan hingga penjagaan warga emas. Pendekatan holistik ini diharap mampu membentuk keluarga yang penyayang, harmoni dan berdaya tahan demi kesejahteraan negara.

Bab 5

Pelan Tindakan Keluarga Negara 2026-2030



Pendahuluan

Pelan Tindakan Keluarga Negara 2026-2030 digubal untuk tempoh pelaksanaan lima tahun. Namun, hala tuju dan prinsip DKKN kekal relevan sebagai panduan jangka panjang dalam memperkukuh institusi keluarga Malaysia. Dasar ini bersifat adaptif, membolehkan respons dasar disesuaikan mengikut cabaran zaman yang sentiasa berubah, termasuk isu demografi, sosial dan ekonomi yang semakin kompleks. Lima teras DKKN yang digariskan memberi kerangka pelaksanaan yang fleksibel, berasaskan nilai kasih sayang, tanggungjawab dan keseimbangan peranan ahli keluarga sebagai tunjang kepada kestabilan sosial negara.

Bagi memastikan pelaksanaan dasar yang berkesan, semua pihak perlu memahami peranan masing-masing dalam ekosistem pelaksanaan pelan tindakan. Secara umum, penglibatan dalam pelan tindakan ini dibahagikan kepada dua peranan utama:

1. **Peneraju** – Kementerian/jabatan/agensi yang menyelaras pelan tindakan dan mendapatkan peruntukan (jika perlu).
2. **Pelaksana** – Kementerian/jabatan/agensi yang akan membantu untuk menjalankan aktiviti pelan tindakan berdasarkan perbincangan dengan Peneraju.

TERAS 1

Memartabatkan Institusi Perkahwinan dan Kekeluargaan





Teras 1:

Memartabatkan Institusi Perkahwinan dan Kekeluargaan

Objektif

- ▶ Bertujuan untuk meningkatkan peratusan perkahwinan dan mengurangkan peratusan perceraian dalam tempoh lima tahun pertama perkahwinan di Malaysia

Isu-isu utama yang hendak ditangani

- ▶ Peningkatan jumlah golongan bujang atau tidak berkahwin dalam kalangan rakyat Malaysia
- ▶ Peningkatan trend memilih untuk berkahwin lewat
- ▶ Kestabilan institusi keluarga tergugat
- ▶ Peningkatan tekanan menjejaskan perhubungan keluarga (pasangan)
- ▶ Peningkatan ideologi *Childfree* / *Double Income, No Kids* (DINK)

Skop Lingkupan Teras

- ▶ Pra perkahwinan
- ▶ Semasa perkahwinan

Strategi 1: Menggalakkan Perkahwinan

1 Tindakan

1. Melancarkan kempen strategik untuk menggalakkan perkahwinan

Strategi 2: Memperkukuh Asas Perkahwinan

2 Tindakan

2. Membangunkan mekanisme bagi pelaksanaan kursus pra perkahwinan bersepadu bagi pasangan bukan Islam
3. Menambah baik kursus pra perkahwinan bagi pasangan Islam

Strategi 3: Meningkatkan Kesejahteraan Kehidupan Berpasangan dan Berkeluarga

2 Tindakan

4. Mewajibkan ujian HIV sebagai sebahagian daripada proses pendaftaran perkahwinan bagi pasangan bukan Islam
5. Melaksanakan kajian berkenaan *Shared Parental Leave* untuk ibu dan bapa di Malaysia bagi sektor awam dan sektor swasta.

Strategi 1: Menggalakkan Perkahwinan

Tindakan 1: Melancarkan kempen strategik untuk menggalakkan perkahwinan

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan melaksanakan kempen strategik bagi menggalakkan perkahwinan dengan menekankan mesej utama berkaitan aspek-aspek penting dalam perkahwinan yang sering diabaikan atau kurang difahami.

Kumpulan Sasaran

- ▶ **Belia:** Mencapai golongan belia yang bakal mendirikan rumah tangga.
- ▶ **Ibu bapa:** Mendidik ibu bapa agar memberi ruang dan sokongan kepada pasangan yang baru berkahwin.
- ▶ **Masyarakat umum:** Mengubah persepsi masyarakat tentang perkahwinan.

Sasaran

- ▶ Bilangan program dijalankan
- ▶ Bilangan bahan advokasi dibangunkan
- ▶ Mencapai 3 juta capaian di media sosial melalui platform seperti Facebook, Instagram dan TikTok

Tempoh Pelaksanaan

2026-2027

Peneraju

LPPKN

Pelaksana

LPPKN, KPWK, JAKIM, JAIN, JPN

Strategi 2: Memperkukuhkan Asas Perkahwinan

Tindakan 2: Membangunkan mekanisme bagi pelaksanaan kursus pra perkahwinan bersepadu bagi pasangan bukan Islam

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan membangunkan mekanisme bagi pelaksanaan kursus pra perkahwinan bersepadu yang komprehensif dan khusus untuk pasangan bukan Islam di Malaysia.

Kursus ini diwajibkan sebelum pendaftaran perkahwinan dan akan menyediakan bakal pasangan dengan pengetahuan serta kemahiran penting untuk membina rumah tangga yang kukuh dan harmoni.

Kumpulan Sasaran

- ▶ Golongan belia dan individu bujang yang bakal mendirikan rumah tangga.

Sasaran

- ▶ Menyempurnakan kajian rangka mekanisme dan senarai insentif
- ▶ Mengoperasi rangka mekanisme dan insentif baharu

Tempoh Pelaksanaan

2026-2030

Peneraju

KPWKM

Pelaksana

JPN, LPPKN

Strategi 2: Memperkukuhkan Asas Perkahwinan

Tindakan 3: Menambah baik pelaksanaan kursus pra perkahwinan bagi pasangan Islam

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan memperkukuh dan menambah baik kursus pra perkahwinan sedia ada bagi pasangan Islam di Malaysia. Fokus utama adalah memastikan kursus ini kekal relevan, berkesan dan berupaya mempersiapkan bakal pasangan untuk menghadapi cabaran dalam membina rumah tangga yang harmoni dan berkekalan.

Kumpulan Sasaran

- ▶ Golongan belia dan individu bujang yang bakal mendirikan rumah tangga

Sasaran

- ▶ Menyempurnakan kajian penambahbaikan modul kursus pra perkahwinan
- ▶ Mengoperasi modul kursus pra perkahwinan baharu di Wilayah Persekutuan
- ▶ Sesi perbincangan bersama setiap JAIN

Tempoh

2026-2027

Peneraju

JAKIM

Pelaksana

JAKIM, JAIN, LPPKN

Strategi 3: Meningkatkan Kesejahteraan Kehidupan Berpasangan dan Berkeluarga

Tindakan 4: Mewajibkan ujian HIV sebagai sebahagian daripada proses pendaftaran perkahwinan bagi pasangan bukan Islam

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan mewajibkan ujian HIV sebagai salah satu syarat dalam proses pendaftaran perkahwinan bagi pasangan bukan Islam di Malaysia.

Kumpulan Sasaran

- ▶ Golongan bujang yang bakal mendirikan rumah tangga.

Sasaran

- ▶ Mengadakan sesi libat urus dan mekanisme pendaftaran perkahwinan
- ▶ Meluluskan pindaan peraturan bagi proses pendaftaran perkahwinan

Tempoh

2026-2029

Peneraju

KPWKM

Pelaksana

JPN, KKM

Strategi 3: Meningkatkan Kesejahteraan Kehidupan Berpasangan dan Berkeluarga

Tindakan 5: Melaksanakan kajian berkenaan *shared parental leave* (SPL) untuk ibu dan bapa di Malaysia bagi sektor awam dan sektor swasta

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk mengkaji mekanisme SPL yang sesuai untuk dilaksanakan di Malaysia. SPL adalah satu mekanisme yang membenarkan ibu dan bapa berkongsi cuti bersalin selepas kelahiran anak.

Kumpulan Sasaran

- ▶ Majikan sektor swasta
- ▶ Kementerian, Agensi dan Jabatan Awam

Sasaran

- ▶ Menyempurnakan kajian mekanisme SPL dan sesi libat urus bagi sektor awam dan sektor swasta

Tempoh

2026-2030

Peneraju

KESUMA,
LPPKN

Pelaksana

KESUMA, LPPKN



TERAS 2

Memperkasakan Keupayaan Perancangan Keluarga





Teras 2: Memperkasakan Keupayaan Perancangan Keluarga

Objektif

- ▶ Bertujuan untuk mengurangkan keperluan yang tidak dipenuhi (*unmet need*), meningkatkan *contraceptive prevalence rate* (CPR), memenuhi bilangan anak yang diinginkan oleh pasangan dan meningkatkan akses rawatan subfertiiliti.

Isu-isu utama yang hendak ditangani

- ▶ Keperluan yang tidak dipenuhi (*unmet need*) bagi perancangan keluarga
- ▶ Penurunan kadar kesuburan jumlah atau *total fertility rate* (TFR)
- ▶ Isu aksesibiliti rawatan kesuburan

Skop Lingkupan Teras

- ▶ Perancangan keluarga
- ▶ Kadar kesuburan jumlah
- ▶ Pengangkatan
- ▶ Kesihatan reproduktif dan seksual (SRH)

Strategi 1: Memperkuhkan Pendidikan dan Kesedaran Kesihatan Reproduktif dan Seksual di Tempat Kerja

2 Tindakan

1. Memperluaskan pelaksanaan program kesihatan reproduktif dan seksual (SRH) di tempat kerja
2. Mempromosikan kursus kesihatan reproduktif dan seksual (SRH) di bawah HRD Corp

Strategi 2: Memperkuhkan Peranan Ibu Bapa dan Remaja

5 Tindakan

3. Memperkuhkan pendidikan kesihatan reproduktif dan seksual (SRH) bagi kanak-kanak
4. Melancarkan kempen untuk meningkatkan kesedaran ibu bapa untuk mendidik anak berkaitan kesihatan reproduktif dan seksual (SRH)
5. Melaksanakan program advokasi kesihatan reproduktif dan seksual (SRH) kepada remaja yang berisiko tinggi
6. Meningkatkan advokasi kesihatan reproduktif dan seksual (SRH) di peringkat komuniti
7. Menambah baik proses pendaftaran anak angkat yang mendapat persetujuan ibu bapa kandung

Strategi 3: Meningkatkan Akses kepada Perkhidmatan Fertiiliti

2 Tindakan

8. Menubuhkan Pusat Subfertiiliti Negara (PSN) sebagai pusat kecemerlangan subfertiiliti dan kesejahteraan keluarga di Malaysia
9. Meningkatkan aksesibiliti perkhidmatan subfertiiliti

Strategi 1: Memperkukuhkan Pendidikan dan Kesedaran Kesihatan Reproduktif dan Seksual di Tempat Kerja

Tindakan 1: Memperluaskan pelaksanaan program Kesihatan Reproduktif dan Seksual (SRH) di tempat kerja

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan akses kepada perkhidmatan kesihatan reproduktif dan seksual (SRH) dalam kalangan pekerja di sektor awam dan swasta.

Kumpulan Sasaran

- Majikan sektor awam, swasta dan NGO

Sasaran

- Bilangan program dijalankan
- Bilangan peserta terlibat
- Bilangan agensi yang melaksanakan program kesihatan reproduktif dan seksual (SRH)
- Peningkatan penyertaan majikan setiap tahun
- Satu (1) modul SRH dibangunkan dalam sistem E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA)

Tempoh

2026-2029

Peneraju

LPPKN

Pelaksana

LPPKN, HRD Corp, INTAN

Strategi 1: Memperkukuhkan Pendidikan dan Kesedaran Kesihatan Reproduktif dan Seksual di Tempat Kerja

Tindakan 2: Mempromosikan kursus Kesihatan Reproduktif dan Seksual (SRH) di bawah HRD Corp

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk memasukkan kursus SRH dan keibubapaan sebagai salah satu fokus utama di bawah program pembangunan sumber manusia (HRD Corp).

Kumpulan Sasaran

- Majikan sektor swasta

Sasaran

- SRH dijadikan sebagai salah satu fokus HRD Corp
- Bilangan program dijalankan
- Bilangan peserta terlibat
- Bilangan majikan terlibat

Tempoh

2026-2030

Peneraju

HRD Corp

Pelaksana

HRD Corp, LPPKN

Strategi 2: Memperkukuh Peranan Ibu Bapa dan Remaja

Tindakan 3: Memperkukuhkan pendidikan kesihatan reproduktif dan seksual (SRH) bagi kanak-kanak

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk memperkukuhkan pendidikan SRH bagi kanak-kanak di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan menyemak semula modul Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) yang merupakan sebahagian daripada kurikulum para pelajar.

Kumpulan Sasaran

- ▶ Pelajar berumur 7 hingga 17 tahun

Sasaran

- ▶ Modul PEERS disemak semula

Tempoh

2027

Peneraju

KPM

Pelaksana

KPM, LPPKN

Strategi 2: Memperkukuh Peranan Ibu Bapa dan Remaja

Tindakan 4: Melancarkan kempen untuk meningkatkan kesedaran ibu bapa dalam mendidik anak berkaitan Kesihatan Reproduktif dan Seksual (SRH)

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk melancarkan kempen bagi meningkatkan kesedaran ibu bapa tentang pentingnya mendidik anak-anak mereka berkaitan SRH mengikut nilai dan budaya keluarga masing-masing.

Kumpulan Sasaran

- ▶ Ibu bapa yang mempunyai anak bawah 18 tahun.
- ▶ Masyarakat umum

Sasaran

- ▶ Bilangan program dijalankan
- ▶ Bilangan bahan advokasi dibangunkan
- ▶ Mencapai 3 juta capaian di media sosial melalui kempen kesedaran, dengan memberi tumpuan kepada platform seperti Facebook, Instagram dan TikTok

Tempoh

2026-2029

Peneraju

LPPKN

Pelaksana

LPPKN, KPWK, KK, KPM

Strategi 2: Memperkukuh Peranan Ibu Bapa dan Remaja

Tindakan 5: Melaksanakan program advokasi berkaitan kesihatan reproduktif dan seksual (SRH) kepada remaja yang berisiko tinggi

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk melaksanakan program advokasi berkaitan SRH yang memberi fokus kepada remaja yang berisiko tinggi.

Program ini bertujuan untuk memberikan maklumat, sokongan dan intervensi yang tepat kepada remaja yang terdedah kepada risiko isu SRH.

Kumpulan Sasaran

- ▶ Remaja berisiko tinggi
- ▶ Ibu bapa yang mempunyai anak bawah 18 tahun

Sasaran

- ▶ 1 portal dibangunkan
- ▶ Bilangan bahan advokasi dibangunkan
- ▶ Mencapai 3 juta capaian portal ini

Tempoh

2026-2029

Peneraju

LPPKN

Pelaksana

LPPKN, KPM, KBS

Strategi 2: Memperkukuh Peranan Ibu Bapa dan Remaja

Tindakan 6: Meningkatkan advokasi kesihatan reproduktif dan seksual di peringkat komuniti

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan meningkatkan advokasi dan perkhidmatan perancangan keluarga, khususnya bagi golongan berisiko tinggi yang menghadapi cabaran dalam mengakses maklumat dan perkhidmatan tersebut.

Kumpulan Sasaran

- ▶ Golongan berisiko tinggi di dalam komuniti

Sasaran

- ▶ Bilangan program advokasi dijalankan
- ▶ Bilangan latihan dijalankan

Tempoh

2026-2029

Peneraju

LPPKN

Pelaksana

LPPKN, KKM, KBS, KPT, KPN, JPNIN, KPKT, KKDW, KEMAS, JAKOA, JPKK, KK

Strategi 2: Memperkukuh Peranan Ibu Bapa dan Remaja

Tindakan 7: Menambah baik proses pendaftaran anak angkat yang mendapat persetujuan ibu bapa kandung

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan menambah baik proses pendaftaran anak angkat di Malaysia yang mendapat keizinan ibu bapa kandung, sambil melindungi hak dan kebajikan semua pihak terlibat, terutamanya kanak-kanak.

Kumpulan Sasaran

- Keluarga yang ingin mengambil anak angkat

Sasaran

- Menyempurnakan kajian rangka dan sesi libat urus bagi SOP baharu

Tempoh

2026-2029

Peneraju

JPN

Pelaksana

KPWKM, JKM, LPPKN

Strategi 3: Meningkatkan Akses kepada Perkhidmatan Fertiliti

Tindakan 8: Menubuhkan Pusat Subfertiliti Negara (PSN) sebagai pusat kecemerlangan subfertiliti dan kesejahteraan keluarga di Malaysia

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk menubuhkan PSN sebagai pusat kecemerlangan subfertiliti dan kesejahteraan keluarga di Malaysia yang diterajui oleh LPPKN. PSN akan menjadi pusat rujukan nasional yang menyediakan perkhidmatan komprehensif dan bersepadu untuk pasangan yang menghadapi masalah kesuburan.

Kumpulan Sasaran

- Pasangan berkahwin yang mempunyai masalah kesuburan

Sasaran

- Penubuhan PSN

Tempoh

2026-2030

Peneraju

LPPKN

Pelaksana

LPPKN, KKM

Strategi 3: Meningkatkan Akses kepada Perkhidmatan Fertiliti

Tindakan 9: Meningkatkan aksesibiliti perkhidmatan subfertiliti

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk meningkatkan aksesibiliti perkhidmatan subfertiliti di Malaysia.

Kumpulan Sasaran

- ▶ Pasangan berkahwin yang mempunyai masalah kesuburan.

Sasaran

- ▶ Bilangan pusat subfertiliti ditubuhkan
- ▶ Peningkatan peratusan pasangan yang menerima rawatan fertiliti

Tempoh

2026-2030

Peneraju

LPPKN


Pelaksana

LPPKN, KKM, KPWK



TERAS 3

Meningkatkan Kemampuan dan Kualiti Keibubapaan





Teras 3: Meningkatkan Kemampuan dan Kualiti Keibubapaan

Objektif

- ▶ Bertujuan untuk menerapkan nilai murni dalam keluarga, menurunkan kadar jenayah dalam kalangan remaja, meningkatkan ilmu pengetahuan keibubapaan demi memperkasakan peranan ibu bapa.

Isu-isu utama yang hendak ditangani

- ▶ Peningkatan cabaran penjagaan anak
- ▶ Nilai dan jati diri kanak-kanak dan remaja semakin terhakis
- ▶ Kesedaran ibu bapa terhadap pengawasan digital (*parental control*) masih rendah
- ▶ Isu kehamilan remaja

Skop Lingkupan Teras

- ▶ Penjagaan dan pendidikan kanak-kanak dan remaja
- ▶ Pendidikan keibubapaan
- ▶ Penerapan nilai murni, agama dan etika

Strategi 1: Memperkasakan Kesedaran Peranan Ibu Bapa dalam Keluarga

3 Tindakan

1. Meningkatkan kesedaran tentang kepentingan penglibatan ibu bapa dalam mendidik anak
2. Meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pengukuhan hubungan intergenerasi keluarga
3. Menggalakkan penghasilan kandungan (*content*) kekeluargaan yang holistik dan menerapkan nilai-nilai murni

Strategi 2: Memperkukuhkan Pendidikan Keibubapaan

2 Tindakan

4. Memperkukuhkan pendidikan keibubapaan
5. Menyediakan program pendidikan keibubapaan kepada ibu bapa yang memiliki anak dalam situasi berkeperluan khusus (anak angkat /pelihara, OKU, pasca perceraian)

Strategi 3: Meningkatkan Kesedaran dan Kebolehan Menangani Dunia Digital

2 Tindakan

6. Meningkatkan literasi digital dalam kalangan ibu bapa dan pemantauan anak di dunia siber
7. Menerapkan nilai-nilai kekeluargaan dan keselamatan digital di peringkat sekolah dan IPT melalui semakan semula kurikulum/kokurikulum

Strategi 1: Memperkasakan Kesedaran Peranan Ibu Bapa dalam Keluarga

Tindakan 1: Meningkatkan kesedaran tentang kepentingan penglibatan ibu bapa dalam mendidik anak

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang betapa pentingnya penglibatan ibu bapa dalam mendidik anak.

Kumpulan Sasaran

- ▶ Ibu bapa yang mempunyai anak bawah 18 tahun

Sasaran

- ▶ Bilangan program dijalankan
- ▶ Bilangan bahan advokasi dibangunkan
- ▶ Mencapai 3 juta capaian di media sosial melalui platform seperti Facebook, Instagram dan TikTok

Tempoh

2026-2029

Peneraju

LPPKN

Pelaksana

LPPKN, KPWKM, KPM, KKDW, KEMAS, JAKOA, JPCK, KPN, JPNIN, KK, KPCT, PBT

Strategi 1: Memperkasakan Kesedaran Peranan Ibu Bapa dalam Keluarga

Tindakan 2: Meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pengukuhan hubungan intergenerasi keluarga

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan melancarkan kempen advokasi bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan mengukuhkan hubungan intergenerasi antara ahli keluarga dan datuk nenek.

Kumpulan Sasaran

- ▶ Keluarga
- ▶ Masyarakat umum

Sasaran

- ▶ Bilangan bahan advokasi dibangunkan.
- ▶ Bilangan aktiviti pemeraksanaan komuniti intergenerasi dijalankan
- ▶ Bilangan peserta terlibat
- ▶ Mencapai 3 juta capaian di media sosial melalui platform seperti Facebook, Instagram dan TikTok

Tempoh

2026-2027

Peneraju

LPPKN

Pelaksana

LPPKN, KPWKM, KPM, KKDW, KEMAS, JAKOA, JPCK, KPN, JPNIN, KK, KPCT, PBT

Strategi 1: Memperkasakan Kesedaran Peranan Ibu Bapa dalam Keluarga

Tindakan 3: Menggalakkan penghasilan kandungan (*content*) kekeluargaan yang holistik dan menerapkan nilai-nilai murni

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk menggalakkan penghasilan kandungan (*content*) kekeluargaan yang holistik dan menerapkan nilai-nilai murni dalam industri kreatif. Ini bertujuan untuk memperkaya landskap media dengan kandungan yang positif, mendidik dan relevan dengan nilai-nilai kekeluargaan.

Kumpulan Sasaran

- Industri Kreatif

Sasaran

- Menyempurnakan kajian polisi sedia ada dan cadangan polisi penambahbaikan
- Memperkenalkan polisi/ amalan baru dan sedia ada
- Bilangan kandungan yang mengandungi nilai kekeluargaan positif dihasilkan

Tempoh

2026-2027

Peneraju

KK

Pelaksana

FINAS, RTM

Strategi 2: Memperkukuhkan Pendidikan Keibubapaan

Tindakan 4: Memperkukuhkan pendidikan keibubapaan

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk memperkukuhkan pendidikan keibubapaan di Malaysia dengan membangunkan sistem akreditasi bagi latihan dan modul berkaitan keibubapaan dan kekeluargaan secara berperingkat.

Kumpulan Sasaran

- Ibu bapa yang mempunyai anak bawah 18 tahun

Sasaran

- Menyempurnakan kajian dan sesi libat urus berkaitan sistem akreditasi pendidikan keibubapaan
- Mengoperasi rangka dan mekanisme sistem akreditasi pendidikan keibubapaan
- Bilangan program dijalankan
- Bilangan peserta terlibat

Tempoh

2026-2030

Peneraju

LPPKN

Pelaksana

LPPKN,
HRD Corp

KPWKM,

Strategi 2: Memperkukuhkan Pendidikan Keibubapaan

Tindakan 5: Menyediakan program pendidikan keibubapaan kepada ibu bapa yang memiliki anak dalam situasi berkeperluan khusus (anak angkat/ pelihara, anak OKU dan pasca perceraian)

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk menyediakan program pendidikan keibubapaan yang khusus bagi ibu bapa yang memiliki anak dalam situasi berkeperluan khusus, seperti anak angkat/pelihara, anak OKU dan keluarga pasca perceraian.

Program ini akan diperluaskan secara berperingkat dengan matlamat untuk menjadikannya wajib.

Kumpulan Sasaran

- Ibu bapa/penjaga berkeperluan khusus

Sasaran

- Menyempurnakan kajian kebolehlaksanaan (kumpulan sasaran, rangka perundangan sedia ada)
- Modul dibangunkan untuk kumpulan sasaran yang berkeperluan khusus
- Bilangan program dijalankan
- Bilangan peserta dan keluarga terlibat
- Pindaan baru rang undang-undang mewajibkan pendidikan keibubapaan pasca perceraian

Tempoh

2026-2030

Peneraju

LPPKN

Pelaksana

LPPKN, JKM, JPN, KKM, PKPMP, JKSM, JKSN (Perak, Terengganu, Kelantan, Johor, Sarawak)

Strategi 3: Meningkatkan Kesedaran dan Kebolehan Menangani Dunia Digital

Tindakan 6: Meningkatkan literasi digital dalam kalangan ibu bapa dan pemantauan anak di dunia siber

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk mengutamakan elemen keluarga dalam Kempen Internet Selamat (KIS) yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

Program ini menekankan peranan keluarga dalam membimbing penggunaan teknologi digital secara selamat dan bertanggungjawab, sambil meningkatkan literasi digital ibu bapa di Malaysia.

Kumpulan Sasaran

- Ibu bapa yang mempunyai anak bawah 18 tahun

Sasaran

- Bilangan program dijalankan
- Bilangan peserta terlibat beserta hasil kajian keberkesanan program
- Bilangan bahan advokasi dibangunkan
- Mencapai 3 juta capaian di media sosial melalui platform seperti Facebook, Instagram dan TikTok
- Garis panduan skrin dan teknologi bagi kanak-kanak dihasilkan

Tempoh

2026-2029

Peneraju

KK, KD, LPPKN

Pelaksana

KPWKM, KPM

Strategi 3: Meningkatkan Kesedaran dan Kebolehan Menangani Dunia Digital

Tindakan 7: Menerapkan nilai-nilai kekeluargaan dan keselamatan digital di peringkat sekolah dan IPT melalui semakan semula kurikulum/ kokurikulum

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk menyemak semula kurikulum/kokurikulum sekolah dan IPT dengan menerapkan ilmu nilai-nilai kekeluargaan dan keselamatan digital.

Kumpulan Sasaran

- ▶ Pelajar sekolah
- ▶ Pelajar IPT

Sasaran

- ▶ Menyempurnakan kajian dan sesi libat urus semakan kurikulum
- ▶ Membangunkan strategi pengoperasian kurikulum/ kokurikulum baharu
- ▶ Mengoperasi kurikulum baharu

Tempoh

2026-2029

Peneraju

KPM, KPT

Pelaksana

KPM, KPT, KD, KPWK, LPPKN

TERAS 4

Menyokong Pemerkasaan Keluarga Secara Inklusif





Teras 4: Menyokong Pemerkasaan Keluarga Secara Inklusif

Objektif

- ▶ Meningkatkan polisi dan inisiatif mesra keluarga di tempat kerja, meluaskan perkhidmatan kaunseling keluarga dan sokongan emosi atau psikososial keluarga serta meningkatkan bantuan kepada keluarga rentan.

Isu-isu utama yang hendak ditangani

- ▶ Peningkatan keluarga rentan (miskin, OKU, keluarga *single parent*, berkekrisis dan sebagainya)
- ▶ Peningkatan tekanan menjejaskan kesihatan mental keluarga
- ▶ Mengurangkan beban *sandwich family*

Skop Lingkupan Teras

- ▶ Imbangan keluarga dan kerjaya
- ▶ Kaunseling dan sokongan emosi atau psikososial keluarga
- ▶ Bantuan dan sokongan kepada keluarga rentan

Strategi 1: Mewujudkan Persekitaran Kerja yang Mesra Keluarga

4 Tindakan

1. Memperkukuhkanimbangan antara kerja dan keluarga bagi sektor swasta
2. Memperluaskan penganugerahan Majikan Mesra Keluarga bagi sektor swasta
3. Memperkenalkan Anugerah Mesra Keluarga bagi sektor awam
4. Mengadakan Sambutan Hari Keluarga di peringkat sektor awam (setiap Kementerian, Jabatan dan Agensi)

Strategi 2: Menyediakan Sokongan Holistik untuk Keluarga

5 Tindakan

5. Memperkukuhkan perkhidmatan kaunseling keluarga
6. Meningkatkan kemahiran pengurusan kesihatan dalam keluarga
7. Mengadakan latihan penjagaan bagi keluarga dalam situasi berkeperluan khusus (sakit, OKU, warga emas dan sebagainya)
8. Menggerakkan intervensi komuniti bagi aktiviti kekeluargaan
9. Menyediakan latihan bagi individu yang menjaga ahli keluarga yang menghadapi penyakit kronik

Strategi 3: Memperkukuhkan Persediaan dan Keselamatan Sosial Keluarga

3 Tindakan

10. Membangunkan mekanisme persediaan persaraan bagi sektor swasta
11. Menambah baik kursus persaraan bagi sektor awam secara berperingkat
12. Melaksanakan kajian berhubung insurans penjagaan waktu tua

Strategi 1: Mewujudkan Persekitaran Kerja yang Mesra Keluarga

Tindakan 1: Memperkukuhkan imbalan antara kerja dan keluarga bagi sektor swasta

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk memperkukuhkan keseimbangan antara kerja dan keluarga bagi pekerja sektor swasta dengan mewujudkan persekitaran kerja yang lebih fleksibel dan menyokong keperluan keluarga.

Kumpulan Sasaran

- Majikan sektor swasta

Sasaran

- Menyempurnakan kajian polisi sedia ada dan cadangan penambahbaikan
- Bilangan program dijalankan
- Bilangan peserta terlibat
- Mencapai 3 juta capaian di media sosial melalui platform seperti Facebook, Instagram dan TikTok

Tempoh

2026-2030

Peneraju

TalentCorp

Pelaksana

TalentCorp, KESUMA, JTK, HRD Corp

Strategi 1: Mewujudkan Persekitaran Kerja yang Mesra Keluarga

Tindakan 2: Memperluaskan penganugerahan Majikan Mesra Keluarga bagi sektor swasta

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk memperluaskan penganugerahan Majikan Mesra Keluarga khusus untuk sektor swasta di Malaysia.

Kumpulan Sasaran

- Majikan sektor swasta

Sasaran

- Penganugerahan Majikan Mesra Keluarga diadakan
- Bilangan syarikat melibatkan diri

Tempoh

2026-2027

Peneraju

TalentCorp, LPPKN

Pelaksana

TalentCorp, KESUMA, LPPKN, KPWKM

Strategi 1: Mewujudkan Persekitaran Kerja yang Mesra Keluarga

Tindakan 3: Memperkenalkan Anugerah Mesra Keluarga bagi sektor awam

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk memperkenalkan Anugerah Mesra Keluarga khusus untuk sektor awam di Malaysia yang akan diterajui oleh LPPKN.

Anugerah ini akan mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada Kementerian, Jabatan, Agensi dan badan berkanun yang menunjukkan komitmen cemerlang dalam mewujudkan persekitaran kerja yang menyokong keseimbangan antara kerja dan keluarga.

Kumpulan Sasaran

- Sektor Awam – Kementerian, Jabatan/Agensi

Sasaran

- Anugerah Mesra Keluarga diwujudkan

Tempoh

2026-2030

Peneraju

LPPKN

Pelaksana

LPPKN, KPWKM

Strategi 1: Mewujudkan Persekitaran Kerja yang Mesra Keluarga

Tindakan 4: Mengadakan Sambutan Hari Keluarga di peringkat sektor awam (setiap Kementerian, Jabatan dan Agensi)

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk Sambutan Hari Keluarga diadakan di setiap Kementerian dan Jabatan/Agensi sektor awam untuk memupuk semangat kekeluargaan dan meningkatkan kesejahteraan di tempat kerja.

Kumpulan Sasaran

- Sektor Awam – Kementerian, Jabatan/Agensi

Sasaran

- Surat edaran JPA
- Penglibatan 100% daripada Kementerian dan Jabatan/Agensi

Tempoh

2026-2027

Peneraju

LPPKN

Pelaksana

JPA, LPPKN, KPWKM

Strategi 2: Menyediakan Sokongan Holistik untuk Keluarga

Tindakan 5: Memperkukuhkan perkhidmatan kaunseling keluarga

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk memperkukuhkan perkhidmatan kaunseling keluarga di Malaysia bagi membantu keluarga mengatasi cabaran, menyelesaikan konflik dan membina hubungan kekeluargaan yang lebih baik.

Kumpulan Sasaran

- ▶ Keluarga yang memerlukan kaunseling
- ▶ Masyarakat umum

Sasaran

- ▶ Portal kaunseling keluarga diwujudkan.
- ▶ Bilangan program dijalankan
- ▶ Bilangan orang yang menerima perkhidmatan kaunseling keluarga
- ▶ Menyempurnakan kajian dan sesi libat urus berkaitan mekanisme rujukan kaunseling keluarga
- ▶ Mengoperasi rangka dan mekanisme rujukan kaunseling keluarga

Tempoh

2026-2030

Peneraju

LKM,
LPPKN,
KKM, KPT,
JKM

Pelaksana

LKM, LPPKN, KKM, KPT,
JKM

Strategi 2: Menyediakan Sokongan Holistik untuk Keluarga

Tindakan 6: Meningkatkan kemahiran pengurusan kesihatan dalam keluarga

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk mengutamakan elemen keluarga dalam program kesihatan komuniti dan masyarakat. Program ini akan direka bentuk dan dilaksanakan dengan mengambil kira aspek keperluan dan kesejahteraan seisi keluarga, tidak tertakluk kepada individu sahaja.

Antara program/aktiviti bagi meningkatkan kemahiran pengurusan kesihatan keluarga adalah Makan Sihat Bersama Keluarga, *Family Fun Time*, Riadah Bersama Keluarga dan lain-lain.

Kumpulan Sasaran

- ▶ Keluarga

Sasaran

- ▶ Bilangan program dijalankan
- ▶ Bilangan peserta dan keluarga terlibat

Tempoh

2026-2027

Peneraju

KKM

Pelaksana

KPM, KPWK, LPPKN,
KKDW, KEMAS, JAKOA,
KPN, JPNIN, KK, KPKT,
PBT, KPT

Strategi 2: Menyediakan Sokongan Holistik untuk Keluarga

Tindakan 7: Mengadakan latihan penjagaan bagi keluarga dalam situasi berkeperluan khusus (sakit, OKU, warga emas dan sebagainya)

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk mengadakan latihan penjagaan yang khusus dan komprehensif bagi keluarga yang menghadapi situasi berkeperluan khusus, seperti penjagaan ahli keluarga yang sakit, OKU, warga emas atau yang memerlukan penjagaan khas yang lain.

Kumpulan Sasaran

- ▶ Ibu bapa/ penjaga berkeperluan khusus

Sasaran

- ▶ Bilangan program dijalankan
- ▶ Bilangan peserta dan keluarga terlibat

Tempoh

2026-2027

Peneraju

ISM

Pelaksana

ISM

Strategi 2: Menyediakan Sokongan Holistik untuk Keluarga

Tindakan 8: Menggerakkan intervensi komuniti bagi aktiviti kekeluargaan

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk menggalakkan aktiviti kekeluargaan melalui intervensi di peringkat komuniti.

Kumpulan Sasaran

- ▶ Keluarga

Sasaran

- ▶ Bilangan program dijalankan
- ▶ Bilangan peserta dan keluarga terlibat

Tempoh

2026-2029

Peneraju

KPN,
KKDW,
KPKT, JWP,
KPWKM,
KBS

Pelaksana

JPNIN, KEMAS, PBT, DBKL,
LPPKN, JKM

Strategi 2: Menyediakan Sokongan Holistik untuk Keluarga

Tindakan 9: Menyediakan latihan bagi individu yang menjaga ahli keluarga yang menghadapi penyakit kronik

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk menyediakan latihan khusus kepada individu yang menjaga ahli keluarga yang menghadapi penyakit kronik.

Latihan ini akan melengkapkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk memberi penjagaan yang terbaik.

Kumpulan Sasaran

- ▶ Keluarga yang mempunyai ahli keluarga berpenyakit kronik

Sasaran

- ▶ Bilangan program dijalankan
- ▶ Bilangan peserta dan keluarga terlibat

Tempoh

2026-2029

Peneraju

KKM

Pelaksana

LPPKN, ISM, KKM, JKM

Strategi 3: Memperkukuhkan Persediaan dan Keselamatan Sosial Keluarga

Tindakan 10: Membangunkan mekanisme persediaan persaraan bagi sektor swasta

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk membangunkan mekanisme persediaan persaraan bagi pekerja sektor swasta. Kajian berkenaan mekanisme ini penting untuk membantu pekerja swasta yang akan bersara dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi menghadapi persaraan dengan lebih yakin dan bersedia.

Kumpulan Sasaran

- ▶ Majikan dalam sektor swasta

Sasaran

- ▶ Menyempurnakan kajian dan sesi libat urus berkaitan mekanisme persediaan persaraan bagi sektor swasta
- ▶ Melaksanakan kursus pra persaraan bagi sektor swasta

Tempoh

2026-2030

Peneraju

KESUMA,
MOF

Pelaksana

HRD Corp, KWSP

Strategi 3: Memperkukuhkan Persediaan dan Keselamatan Sosial Keluarga

Tindakan 11: Menambah baik kursus persaraan bagi sektor awam secara berperingkat

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk menambah baik kursus persaraan sedia ada bagi penjawat awam dengan memberi penekanan kepada perspektif hubungan kekeluargaan. Penambahbaikan ini akan dilakukan secara berperingkat. Matlamatnya adalah untuk memastikan kursus ini relevan, efektif dan mampu mempersiapkan bakal pesara menghadapi fasa persaraan dengan lebih yakin, bermakna dan harmoni dalam konteks keluarga.

Kumpulan Sasaran

- ▶ Penjawat awam

Sasaran

- ▶ Mendapatkan maklum balas dari semua Kementerian/agensi berkaitan penambahbaikan kursus persaraan bagi sektor awam
- ▶ Menambah baik modul kursus persaraan

Tempoh

2026-2029

Peneraju

LPPKN

Pelaksana

Semua Kementerian

Strategi 3: Memperkukuhkan Persediaan dan Keselamatan Sosial Keluarga

Tindakan 12: Melaksanakan kajian berhubung insurans penjagaan waktu tua

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk menjalankan kajian berkenaan insurans penjagaan waktu tua yang bersesuaian di Malaysia. Insurans ini akan membantu individu merancang dan membiayai keperluan penjagaan jangka panjang apabila mereka mencapai usia tua dan memerlukan bantuan dalam aktiviti harian.

Kumpulan Sasaran

- ▶ Keluarga yang mempunyai ibu bapa warga emas

Sasaran

- ▶ Menyempurnakan kajian dan sesi libat urus berkaitan konsep ini

Tempoh

2026-2030

Peneraju


MOF


Pelaksana

BNM, KKM, KPWKM

TERAS 5

Menambah Baik Pengurusan Konflik Keluarga





Teras 5: Menambah Baik Pengurusan Konflik Keluarga

Objektif

- ▶ Bertujuan untuk mengurangkan pengabaian warga emas, membantu pengurusan harta pusaka, dan menggalakkan perpisahan perkahwinan secara harmoni.

Isu-isu utama yang hendak ditangani

- ▶ Peningkatan kadar perceraian
- ▶ Isu penjagaan warga emas
- ▶ Perebutan harta pusaka
- ▶ Perpecahan hubungan keluarga

Skop Lingkupan Teras

- ▶ Pasca perkahwinan
- ▶ Penjagaan warga emas
- ▶ Pengurusan harta pusaka

Strategi 1: Memperkukuhkan Sokongan Keluarga dalam Proses Perceraian

3 Tindakan

1. Membangunkan mekanisme bantuan nafkah kepada keluarga bukan Islam yang sedang melalui proses perceraian
2. Menambah baik mekanisme bantuan nafkah kepada keluarga Islam yang sedang melalui proses perceraian
3. Melaksanakan kajian penambahbaikan kepada penguatkuasaan pembayaran nafkah kanak-kanak dalam keluarga yang telah bercerai

Strategi 2: Mengintegrasikan Kaunseling dalam Proses Perceraian

2 Tindakan

4. Menerapkan elemen kaunseling keluarga sebagai komponen dalam proses perceraian bagi pasangan bukan Islam
5. Menerapkan elemen kaunseling keluarga sebagai komponen dalam proses perceraian bagi pasangan Islam

Strategi 3: Memperkasakan Penyelesaian Konflik dan Komunikasi Terbuka Keluarga

2 Tindakan

6. Melancarkan kempen advokasi berkaitan pengukuhan hubungan keluarga intergenerasi
7. Memperkukuhkan literasi kewangan keluarga

Strategi 4: Meningkatkan Kesedaran dan Memudahkan Pengurusan Harta Pusaka

3 Tindakan

8. Melancarkan kempen untuk meningkatkan kesedaran perancangan pewarisan dalam keluarga
9. Memudah cara proses pewarisan hartanah keluarga
10. Memudah cara urusan pewarisan harta alih dalam kalangan ahli keluarga

Strategi 1: Memperkukuhkan Sokongan Keluarga dalam Proses Perceraian

Tindakan 1: Membangunkan mekanisme bantuan nafkah kepada keluarga bukan Islam yang sedang melalui proses perceraian

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk membangunkan mekanisme bantuan nafkah khusus untuk keluarga bukan Islam yang sedang menjalani proses perceraian. Mekanisme ini akan memberikan sokongan kewangan sementara kepada wanita yang menjaga anak sebelum perintah nafkah dikeluarkan atau ketika pasangan enggan membayar nafkah.

Kumpulan Sasaran

- Pasangan bukan Islam yang sedang melalui proses perceraian

Sasaran

- Menyempurnakan kajian dan sesi libat urus berkaitan konsep ini
- Mengoperasi rangka dan mekanisme baharu ini
- Bilangan penerima manfaat mekanisme baharu ini

Tempoh

2026-2030

Peneraju

LPPKN

Pelaksana

PKPMP, JPN, JBG, YKN

Strategi 1: Memperkukuhkan Sokongan Keluarga dalam Proses Perceraian

Tindakan 2: Menambah baik mekanisme bantuan nafkah kepada keluarga Islam yang sedang melalui proses perceraian

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan menambah baik mekanisme bantuan nafkah bagi keluarga Islam yang sedang melalui proses perceraian. Mekanisme ini menyediakan sokongan kewangan sementara kepada wanita yang menjaga anak sebelum perintah nafkah dikeluarkan atau ketika pasangan enggan menunaikan pembayaran nafkah.

Kumpulan Sasaran

- Pasangan Islam yang sedang melalui proses perceraian

Sasaran

- Menyempurnakan kajian dan sesi libat urus berkaitan konsep ini
- Mengoperasi rangka dan mekanisme baharu ini
- Bilangan penerima manfaat mekanisme baharu

Tempoh

2026-2030

Peneraju

JKSM

Pelaksana

JKSM, JKSN (Perak, Terengganu, Kelantan, Johor, Sarawak), JPN, BHEUU

Strategi 1: Memperkukuhkan Sokongan Keluarga dalam Proses Perceraian

Tindakan 3: Melaksanakan kajian penambahbaikan kepada penguatkuasaan pembayaran nafkah kanak-kanak dalam keluarga yang telah bercerai

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan menjalankan kajian bagi menambah baik penguatkuasaan pembayaran nafkah kanak-kanak di Malaysia. Langkah ini memastikan anak-anak daripada ibu bapa yang telah bercerai menerima sokongan kewangan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan asas mereka. Fokus kajian meliputi golongan Islam dan bukan Islam.

Kumpulan Sasaran

- ▶ Keluarga yang sedang melalui proses perceraian yang mempunyai anak

Sasaran

- ▶ Menyempurnakan kajian dan sesi libat urus berkaitan proses pembayaran nafkah

Tempoh

2026-2030

Peneraju

JKSM, KDN

Pelaksana

JKSM, JKSN (Perak, Terengganu, Kelantan, Johor, Sarawak), JBG, JPN, JIM, MOF, KWSP, KESUMA, BHEUU, MAIN, KPWKM

Strategi 2: Mengintegrasikan Kaunseling dalam Proses Perceraian

Tindakan 4: Menerapkan elemen kaunseling keluarga sebagai komponen dalam proses perceraian bagi pasangan bukan Islam

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan memperkukuhkan institusi perkahwinan serta memastikan sokongan diberikan kepada anak dan ibu bapa yang terjejas dengan memperkenalkan elemen kaunseling keluarga dalam proses perceraian bukan Islam.

Kumpulan Sasaran

- ▶ Pasangan bukan Islam yang mempunyai anak dan sedang melalui proses perceraian

Sasaran

- ▶ Menyempurnakan kajian dan sesi libat urus berkaitan konsep ini
- ▶ Mengoperasi rangka dan mekanisme baharu ini
- ▶ Bilangan penerima manfaat mekanisme baharu

Tempoh

2026-2030

Peneraju

LPPKN

Pelaksana

LPPKN, JPN

Strategi 2: Mengintegrasikan Kaunseling dalam Proses Perceraian

Tindakan 5: Menerapkan elemen kaunseling keluarga sebagai komponen dalam proses perceraian bagi pasangan Islam

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan memperkukuhkan institusi perkahwinan serta memastikan sokongan diberikan kepada anak dan ibu bapa yang terjejas dengan memperkenalkan elemen kaunseling keluarga dalam proses perceraian Islam.

Kumpulan Sasaran

- ▶ Pasangan Islam yang mempunyai anak yang sedang melalui proses perceraian

Sasaran

- ▶ Menyempurnakan kajian dan sesi libat urus
- ▶ Mengoperasi rangka dan mekanisme baharu
- ▶ Bilangan penerima manfaat mekanisme baharu

Tempoh

2026-2030

Peneraju

LPPKN

Pelaksana

LPPKN, KPWK, JAIN, JAKIM, JKSM, MAIN

Strategi 3: Memperkasakan Penyelesaian Konflik dan Komunikasi Terbuka Keluarga

Tindakan 6: Melancarkan kempen advokasi berkaitan pengukuhan hubungan keluarga inter-generasi

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk melancarkan kempen advokasi bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan masyarakat tentang cara memperkukuhkan perhubungan keluarga intergenerasi yang meliputi cara berkomunikasi antara ahli keluarga berbeza generasi, keperluan setiap generasi, cara penjagaan dan pengurusan warga emas.

Kumpulan Sasaran

- ▶ Keluarga yang mempunyai ibu bapa warga emas
- ▶ Masyarakat umum

Sasaran

- ▶ Bilangan program dijalankan
- ▶ Bilangan bahan advokasi dibangunkan
- ▶ Bilangan peserta terlibat
- ▶ Mencapai 3 juta capaian di media sosial melalui platform seperti Facebook, Instagram dan TikTok

Tempoh

2026-2029

Peneraju

JKM

Pelaksana

KPWKM, LPPKN

Strategi 3: Memperkasakan Penyelesaian Konflik dan Komunikasi Terbuka Keluarga

Tindakan 7: Memperkukuhkan literasi kewangan keluarga

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk memperkukuhkan literasi kewangan keluarga di Malaysia dengan memfokuskan kepada usaha untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran, dan keyakinan keluarga dalam menguruskan kewangan yang berkesan.

Kumpulan Sasaran

- Keluarga

Sasaran

- Bilangan program dijalankan
- Bilangan peserta dan keluarga terlibat

Tempoh

2026-2027

Peneraju

MOF

Pelaksana

BNM, AKPK, KPT, KPM, KKDW, JAKOA, KEMAS, KPWKM, LPPKN

Strategi 4: Meningkatkan Kesedaran dan Memudahkan Pengurusan Harta Pusaka

Tindakan 8: Melancarkan kempen bagi meningkatkan kesedaran mengenai perancangan pewarisan dalam keluarga

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk melancarkan kempen bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan perancangan pewarisan dalam keluarga.

Mendidik masyarakat tentang kepentingan membuat perancangan awal untuk menghadapi kematian, termasuk menyediakan wasiat dan insurans.

Kumpulan Sasaran

- Keluarga

Sasaran

- Bilangan program dijalankan
- Bilangan bahan advokasi dibangunkan
- Bilangan peserta terlibat
- Mencapai 3 juta capaian di media sosial platform seperti Facebook, Instagram dan TikTok

Tempoh

2026-2027

Peneraju

Amanah
Raya

Pelaksana

Amanah Raya, JAKIM, MAIN, JAWHAR, KK, KPWKM

Strategi 4: Meningkatkan Kesedaran dan Memudahkan Pengurusan Harta Pusaka

Tindakan 9: Memudahkan proses pewarisan hartanah keluarga

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan memudahkan proses pewarisan hartanah keluarga di Mahkamah Sivil dan Syariah dengan menumpukan kepada usaha mengurangkan kesukaran, konflik serta kelewatan yang sering berlaku dalam pembahagian harta pusaka

Kumpulan Sasaran

- Keluarga

Sasaran

- Menyempurnakan kajian dan sesi libat urus
- Mengoperasi rangka dan mekanisme baharu ini
- Bilangan penerima manfaat bagi mekanisme baharu

Tempoh

2026-2030

Peneraju

BHEUU

Pelaksana

NRES, JKPTG, PTN, JKSM, JKSN (Perak, Terengganu, Kelantan, Johor, Sarawak), MAIN, PKPMP

Strategi 4: Meningkatkan Kesedaran dan Memudahkan Pengurusan Harta Pusaka

Tindakan 10: Memudah cara urusan pewarisan harta alih dalam kalangan ahli keluarga

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan memudah cara proses pewarisan harta alih keluarga di Malaysia. Langkah ini bertujuan mempermudah prosedur, meningkatkan kesedaran serta menyediakan panduan yang jelas kepada keluarga dalam menguruskan harta alih selepas berlaku kematian.

Kumpulan Sasaran

- Keluarga

Sasaran

- Menyempurnakan kajian dan sesi libat urus
- Mengoperasi rangka dan mekanisme baharu
- Bilangan penerima manfaat mekanisme baharu.

Tempoh

2026-2030

Peneraju

BHEUU

Pelaksana

MOF, Amanah Raya, BNM, JPJ, KWSP, ASNB, JKSM, JKSN (Perak, Terengganu, Kelantan, Johor, Sarawak), MAIN



PEMBOLEH DAYA





Pemboleh Daya

- ▶ Pemboleh daya berikut merupakan tindakan yang merentasi kesemua kitaran hidup keluarga dan boleh diguna pakai untuk membantu pelaksanaan tindakan lain dalam Dasar KASIH Keluarga Negara (DKKN)

Pemboleh Daya 1

1. Menambah baik portal Keluarga Bahagia sebagai *one stop centre* berkaitan maklumat, sokongan dan insentif kekeluargaan di peringkat persekutuan dan negeri
 - ▶ Memastikan setiap keluarga mendapat akses kepada maklumat, sokongan dan insentif kekeluargaan yang boleh digunakan

Pemboleh Daya 2

2. Mengintegrasikan penggunaan *Family Impact Assessment* dalam pembentukan dasar dan program
 - ▶ Dasar, program dan perkhidmatan kerajaan yang dibentuk perlu mengambil kira impak kepada keluarga untuk memastikan kesejahteraan masyarakat

Pemboleh Daya 3

3. Melaksanakan kajian pembangunan mekanisme dan insentif perkahwinan dan kekeluargaan yang mampan
 - ▶ Menggalakkan perkahwinan pada umur optima (25-30) sekaligus meningkatkan kadar kesuburan.
 - ▶ Memastikan kelangsungan generasi hadapan dan produktiviti ekonomi negara
 - ▶ Keperluan untuk meningkatkan kadar perkahwinan dalam kalangan masyarakat terutamanya belia
 - ▶ Keperluan untuk mengurangkan beban penjagaan ke atas para wanita untuk memastikan mereka boleh memilih untuk terus bekerja.

Pemboleh Daya 1

Menambah baik portal Keluarga Bahagia sebagai *one stop centre* berkaitan maklumat, sokongan dan insentif kekeluargaan di peringkat persekutuan dan negeri

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk menambah baik portal Keluarga Bahagia sebagai *one stop centre* yang menyediakan maklumat lengkap dan terkini berkaitan dengan keluarga di Malaysia. Portal ini akan menjadi sumber rujukan utama untuk semua perkara berkaitan keluarga, merangkumi maklumat, sokongan dan insentif yang disediakan di peringkat persekutuan dan negeri.

Kumpulan Sasaran

- ▶ Ibu bapa yang mempunyai anak bawah 18 tahun
- ▶ Masyarakat umum

Sasaran

- ▶ Penyenaraian segala insentif mengikut negeri
- ▶ Bilangan bahan advokasi dibangunkan
- ▶ Mencapai 3 juta capaian melalui portal tersebut

Tempoh

2026-2029

Peneraju

LPPKN

Pelaksana

LPPKN

Pemboleh Daya 2

Mengintegrasikan penggunaan *Family Impact Assessment* (FIA) dalam pembentukan dasar dan program

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini bertujuan untuk memperkukuhkan penggunaan FIA dalam proses pembentukan dasar dan program kerajaan di Malaysia.

FIA adalah satu proses sistematik untuk menilai kesan sesuatu dasar, program atau undang-undang terhadap keluarga.

Penggunaan FIA ini akan dilaksanakan secara berperingkat bermula dengan KPWK M dan agensi-agensi di bawahnya.

Kumpulan Sasaran

- ▶ Jabatan/Agensi di bawah KPWK M

Sasaran

- ▶ Bilangan sesi bersama Jabatan/Agensi di bawah KPWK M dijalankan
- ▶ Bilangan sesi latihan dijalankan
- ▶ Bilangan dasar dibangunkan menggunakan FIA

Tempoh

2026-2029

Peneraju

LPPKN

Pelaksana

KPWKM, JKM, JPW, ISM, YKN

Pemboleh Daya 3

Melaksanakan kajian pembangunan mekanisme dan insentif perkahwinan dan keluarga yang mampan

Penjelasan Konsep

Pelan tindakan ini sebahagian daripada satu usaha untuk melakukan kajian membangunkan mekanisme dan insentif yang mampan untuk menggalakkan perkahwinan, kelahiran anak dan penjagaan warga emas dengan mengambil kira kitaran hidup keluarga (*family life cycle*). Perkara ini akan memfokus kepada tiga aspek utama:

1. Aspek pakej perangsangan perkahwinan
 - ▶ Aspek kitaran hidup keluarga berkaitan pembentukan dan pengekalan rumah tangga harmoni bagi membantu menggalakkan perkahwinan dan memperkayakan hubungan perkahwinan.
2. Aspek penjagaan dan pembesaran anak
 - ▶ Aspek kitaran hidup keluarga berkaitan penjagaan anak bagi meringankan beban kos melahirkan, menjaga dan membesarkan anak.
3. Aspek penjagaan warga emas
 - ▶ Aspek kitaran hidup keluarga berkaitan penjagaan warga emas bagi meringankan beban menampung kos penjagaan warga emas.

Kajian ini perlu mencadangkan insentif yang diberikan adalah bersifat bersasar dan mengikut peringkat kitaran hidup keluarga. Selain itu, mekanisme pengeluaran insentif yang perlu dikaji hendaklah dicadangkan untuk dilaksanakan secara berperingkat setelah memenuhi syarat-syarat tertentu untuk memastikan insentif digunakan demi mencapai objektif pelan tindakan.

Kumpulan Sasaran

- ▶ Belia dan bujang: Mencapai golongan belia/bujang yang bakal mendirikan rumah tangga
- ▶ Pasangan yang ingin melahirkan anak
- ▶ Keluarga yang mempunyai ibu bapa warga emas

Sasaran

- ▶ Menyempurnakan kajian rangka mekanisme dan senarai insentif.

Tempoh

2026-2029

Peneraju

KPWKM

Pelaksana

LHDN, KPKT, MOTAC, JKM, KWSP, KESUMA, JPN, KKM, KDN, LPPKN

Kesimpulan

Dasar KASIH Keluarga Negara merupakan komitmen negara dalam memperkukuh institusi keluarga sebagai asas kesejahteraan masyarakat dan kestabilan negara. DKKN bukan sekadar dokumen dasar, sebaliknya ia adalah satu pelaburan strategik kerajaan demi memastikan setiap keluarga di Malaysia tanpa mengira latar belakang, jenis atau saiz dapat berkembang dalam persekitaran yang kondusif, sejahtera dan inklusif.

Harapan besar disandarkan agar pelaksanaan dasar dan pelan tindakan yang telah dirangka ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Kejayaan pelaksanaan ini bukan sahaja akan memberikan manfaat langsung kepada generasi kini, bahkan menjadi pelaburan lestari kerajaan untuk generasi masa hadapan sejajar dengan jangkaan hasil sosial dan ekonomi yang telah dikenal pasti.

Kejayaan DKKN bergantung kepada penyertaan menyeluruh dan sinergi padu daripada semua pihak tidak kira kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, sektor swasta, komuniti serta keluarga itu sendiri. Hanya dengan berganding bahu, kita dapat memperkasakan institusi kekeluargaan secara kolektif. Pelaksanaan Pelan Tindakan Keluarga Negara 2026-2030 perlu dilihat sebagai tanggungjawab bersama untuk mencapai hasil yang lebih berkesan dan berimpak tinggi.

Dengan iltizam dan penyelarasan yang mampan, DKKN diharap mampu menjadi pencetus kepada ekosistem kekeluargaan yang lebih resilien, penyayang dan berdaya saing sekaligus mengukuhkan struktur sosial negara ke arah Malaysia yang lebih sejahtera dan inklusif.



Akronim

AKPK	Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit
ASNB	Amanah Saham Nasional Berhad
B40	<i>Bottom 40%</i>
BHEUU	Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
BNM	Bank Negara Malaysia
CPR	<i>Contraceptive Prevalence Rate</i>
DBKL	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
DINK	Double Income, No Kids
DKKN	Dasar KASIH Keluarga Negara
DKN	Dasar Keluarga Negara
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
DSN	Dasar Sosial Negara
FIA	<i>Family Impact Assessment</i>
FINAS	Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia
FWA	<i>Flexible Work Arrangement</i>
HIV	<i>Human Immunodeficiency Virus</i>
HRD Corp	<i>Human Resource Development Corporation</i>
IKK	Indeks Kesejahteraan Keluarga
INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara
IPT	Institut Pengajian Tinggi
ISM	Institut Sosial Malaysia
JAIN	Jabatan Agama Islam Negeri
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JAWHAR	Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
JBG	Jabatan Bantuan Guaman
JIM	Jabatan Imigresen Malaysia
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKPTG	Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian
JKSM	Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
JKSN	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan
JPKK	Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung

JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
JPW	Jabatan Pembangunan Wanita
JTKSM	Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
JWP	Jabatan Wilayah Persekutuan
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
KD	Kementerian Digital
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KESUMA	Kementerian Sumber Manusia
KIS	Kempen Internet Selamat
KK	Kementerian Komunikasi
KKDW	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
KKJ	Kadar Kesuburan Jumlah
KKM	Kementerian Kesihatan
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KPM	Kementerian Pendidikan
KPN	Kementerian Perpaduan Negara
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
LKM	Lembaga Kaunselor Malaysia
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
M40	<i>Middle 40%</i>
MAIN	Majlis Agama Islam Negeri
MCMC	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
MOF	Kementerian Kewangan
MOTAC	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
NGO	<i>Non-Governmental Organization</i>
NHMS	Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi

NRES	Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
OKU	Orang Kurang Upaya
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PEERS	Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial
PKPMP	Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan
PSN	Pusat Subfertility Negara
PTGN	Pejabat Tanah dan Galian Negeri
RMK13	Rancangan Malaysia Ketiga Belas
RTM	Radio Televisyen Malaysia
SMAM	Umur Minimum Singulat Perkahwinan
POS	Prosedur Operasi Standard
SPL	Shared Parental Leave
SRH	Kesihatan Reproduktif dan Seksual
TalentCorp	<i>Talent Corporation Malaysia Berhad</i>
YKN	Yayasan Kebajikan Negara

Rujukan

- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), LPPKN. Kadar Kesuburan Jumlah (KKJ) penduduk Kadar Pertumbuhan Penduduk Malaysia.
Pautan sumber: <https://population.un.org/wpp/Graphs/DemographicProfiles/Line/458>
- OpenDOSM. Jangka hayat semasa lahir penduduk Malaysia, 2000-2023
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), LPPKN. Kadar Penuaan Penduduk Malaysia, 2010-2040
- LPPKN (2019), Analisa - Tren Sosio-Demografi: hidup lebih lama, namun ianya dalam keadaan kurang sihat
- BH Online. Malaysia merupakan negara ke-3 di Asia Tenggara paling ramai bujang
- My Metro. Penurunan nilai kekeluargaan
- DOSM, Statistik Perkahwinan dan Perceraian Malaysia 2023. Kadar Perkahwinan Kasar Malaysia (2016-2022)
- DOSM, Statistik Perkahwinan dan Perceraian Malaysia 2023. Kadar Perceraian Kasar Malaysia (2016-2022)
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), LPPKN. Penduduk negara mengikut umur – 2024 & 2040. Pautan sumber: <https://mprh.lppkn.gov.my/unjuran-penduduk-malaysia-2010-2040-2/>
- ISEAS (July 2024). Malaysian Employee Medium Wages, by Occupation (2011-2022)
- theSun. Perbandaran yang pesat
- Laporan Banci Penduduk 2020 dan Statistik Perkahwinan dan Perceraian Malaysia 2020, Jabatan Perangkaan Malaysia.& KPKM, 2014 LPPKN
- DOSM, Laporan Survei Perbelanjaan Isi Rumah (2022). Pendapatan purata & median bulanan berbanding jumlah perbelanjaan penggunaan isi rumah purata bulanan mengikut negeri 2022
- Panduan Belanjawanku untuk Individu dan Keluarga di Malaysia 2022/2023 (<https://ecentral.my/wp-content/uploads/2023/07/Belanjawanku-2022-2023-BM.pdf>)
- ADB; <https://www.adb.org/features/economic-costs-rising-sea-levels-asia-and-pacific>. Perubahan Iklim
- Journal Hub for Humanities and Social Science, Vol. 1, No. 1, 2024: 112-129, SAMHSA: Risk and Protective Factors. Kajian-kajian yang menyimpulkan bahawa institusi kekeluargaan adalah asas kepada masyarakat dan negara yang berjaya
- Malaysia Population Research Hub. Status Perkahwinan Penduduk Malaysia, 1970- 2020 & Umur Min Singulat Perkahwinan (SMAM),1970-2014
- DOSM, KPKM5. Status Perceraian Penduduk Malaysia, 1970-2020 & Punca Perceraian (%), 2014
- Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS 2019), kadar kemurungan
- Laporan Akhir: Dasar KASIH Keluarga Negara
- NHMS 2018 Elderly Health

Rakaman Penghargaan

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Kementerian, Jabatan, Agensi dan Pertubuhan Bukan Kerajaan berkenaan di atas kerjasama dan sokongan yang diberikan dalam penghasilan Dasar KASIH Keluarga Negara (DKKN) dan Pelan Tindakan Keluarga Negara (PTKN) 2026-2030 ini.

Wakil Kerajaan

1. Kementerian Belia dan Sukan
2. Kementerian Dalam Negeri
3. Kementerian Digital
4. Kementerian Ekonomi
5. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
6. Kementerian Kesihatan
7. Kementerian Kewangan
8. Kementerian Komunikasi
9. Kementerian Pendidikan
10. Kementerian Pendidikan Tinggi
11. Kementerian Perpaduan Negara
12. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
13. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
14. Kementerian Sumber Manusia
15. Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
16. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
17. Institut Sosial Malaysia
18. Institut Tadbiran Awam Negara
19. Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia
20. Jabatan Imigresen Malaysia
21. Jabatan Kebajikan Masyarakat
22. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
23. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Perak
24. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sarawak
25. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Terengganu
26. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
27. Jabatan Kemajuan Masyarakat
28. Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
29. Jabatan Peguam Negara
30. Jabatan Pembangunan Wanita
31. Jabatan Pendaftaran Negara
32. Jabatan Pengangkutan Jalan
33. Jabatan Perangkaan Malaysia
34. Jabatan Perdana Menteri
35. Jabatan Perkhidmatan Awam
36. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
37. Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia
38. Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji
39. Jabatan Wilayah Persekutuan
40. Lembaga Hasil Dalam Negeri
41. Lembaga Kaunselor Malaysia
42. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
43. Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
44. Yayasan Kebajikan Negara
45. Amanah Raya Berhad
46. Universiti Kebangsaan Malaysia
47. Universiti Putra Malaysia
48. Universiti Malaya
49. Talent Corporation Malaysia Berhad
50. HRD Corp

Wakil Bukan Kerajaan

1. United Nations Population Fund
2. Pertubuhan Ikram Malaysia
3. Organisation of Islamic Cooperation
4. Federation of Reproductive Health Associations Malaysia
5. IM Possible Solutions Sdn Bhd